


Jilid III
Bil. 37



Hari Selasa
11hb Disember, 1973

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4273]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4302]

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan, 1974 [Ruangan 4303]

USUL:
Anggaran Pembangunan, 1974 [Ruangan 4303]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Selasa, 11hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSOF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah and Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

- Yang Berhormat TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah.)
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor)
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat.)
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

Yang Berhormat TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATO' TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y. M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SOKONGAN DEWAN PERNIAGAAN CINA KEPADA BUMIPUTRA

1. **Tuan Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sokongan-sokongan yang telah diberi oleh Dewan Perniagaan Cina kepada peniaga-peniaga Bumiputra terutamanya di dalam usaha-usaha perniagaan Cina-Melayu dan bilangan usaha-usaha perniagaan Cina-Melayu yang telah dianjurkan dan digalakkan oleh Dewan ini untuk mewujudkan muhibbah di antara dua kaum dan membantu Bumiputra di dalam perniagaan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, mengikut keterangan-keterangan yang diberi oleh Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Cina Malaysia, 2 buah syarikat perkongsian Cina-Melayu telah ditubuhkan sebagai memenuhi usaha-usaha merapatkan kerjasama di antara kaum-kaum ini. Syarikat-syarikat berkenaan ialah:

(i) 1 syarikat pembinaan yang mengandungi modal \$1 juta yang terdiri daripada:

(a) Modal Melayu	...	45%
(b) Modal Cina	35%
(c) Modal lain-lain (Penang Development Corporation)	20%

(ii) 1 syarikat pengangkutan yang mempunyai modal \$500,000 dibahagi dua di antara Dewan Perniagaan Melayu dan Dewan Perniagaan Cina. Kedua-dua buah syarikat itu bertempat di Pulau Pinang.

Adalah diharapkan bahawa rancangan-rancangan sebegini akan dapat diperluaskan lagi. Walaubagaimanapun, terpulanglah kepada Dewan Perniagaan Cina sendiri mengambil inisiatif untuk memenuhi hasrat

yang mereka sendiri nyatakan untuk membantu dan bekerjasama dengan peniaga-peniaga bumiputra.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Soalan tambahan. Berekoran dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tersebut, saya ingin hendak melanjutkan pertanyaan iaitu adakah pihak Kementerian berpuas hati di atas hanya dua syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan hasil daripada rundingan dan persetujuan untuk mengadakan angkatan di antara dua kaum ini dan setelah itu, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian senantiasa mengawasi dan menasihati di atas perkembangan dan kemajuan usaha-usaha ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya suka menyatakan bahawa soal yang dibangkitkan ini ialah soal apa yang telah dibuat oleh Dewan Perniagaan Cina Malaysia. Jadi, samada puas hati atau tidak itu terpulanglah kepada kedua-dua yang berkenaan yang sedang dan sudah pun merancang rancangan-rancangan yang tertentu di dalam segi kerjasama di antara dua pihak itu. Dari segi soal yang kedua-dua samada kita akan mengawasi atau tidak ini akan terpulanglah kepada apa juga rancangan-rancangan perniagaan yang tertentu itu, apabila tiba ke pengetahuan Kementerian saya dan ada berkenaan dengan Kementerian saya perkara-perkara yang dirancang dan dicadangkan itu akan dikaji "on the merit of the case", dan saya percaya Kementerian-kementerian yang lain juga kalau ada hubungannya akan menimbang sebegitu juga.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah Dewan Perniagaan Cina menganjurkan satu perasaan muhibbah kepada keseluruhan penjual-penjual wholesale orang Cina supaya menjual barang-barangnya tidak ada perbezaan kepada kedai runcit bumiputra dan kedai runcit orang Cina. Adakah dia menganjurkan perasaan muhibbah itu, sebab ada didapati misalnya seorang peruncit kedai bumiputra, namanya Abdullah, dia membeli bawang sepikul \$75 kepada wholesale Dewan Perniagaan Cina. Jadi, dia terpaksa menjual bawang itu dengan harga 90 sen atau 85 sen sekati tetapi bukan bumiputra membeli bawang itu sepikul dengan harga \$70, dia dapat menjual 80 sen sekati. Adakah Timbalan Menteri yang

berkenaan sedar perbuatan ini dan dapat Dewan Perniagaan Cina menanamkan semangat muhibbah kepada kedai-kedai runcit bumiputra?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal yang dibincangkan ini ialah soal usaha-usaha perniagaan yang tertentu. Dari segi soal muhibbah ini ialah satu soal abstract, ini adalah terkandung di dalam perasaan mereka yang berkenaan, tetapi samada perniagaan-perniagaan telah berlaku di kalangan masyarakat perniagaan di mana peniaga-peniaga Melayu misalnya, tidak dapat bantuan dan fahaman daripada peniaga-peniaga Cina, terpulanglah kepada mereka yang berkenaan itu membawa ke pengetahuan Kementerian ataupun mereka yang berkenaan untuk memperbaiki keadaan ini. Dari segi perasaan muhibbah ini ialah satu soal psychology, soal mentality yang saya percaya akan mengambil masa yang begitu panjang.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu adakah Kerajaan berpuas hati dengan adanya dua buah syarikat Cina yang memberi sokongan kepada syarikat bumiputra oleh kerana kebanyakan ahli-ahli perniagaan itu adalah daripada orang-orang Cina?

Datuk Musa Hitam: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham maksud soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak berapa faham.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Soalannya, oleh kerana kebanyakan pedagang-pedagang itu terdiri daripada orang-orang Cina adakah Kerajaan berpuas hati dengan hanya dua buah syarikat Cina sahaja yang ada memberi sokongan kepada peniaga bumiputra?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi tempat berhubung dengan soal projek Dewan Perniagaan Melayu dengan Dewan Perniagaan Cina, sebagai kenyataan saya memberitahu bahawa dua projek besar sudah dijalankan. Seberapa boleh tentulah dari segi Kerajaan kalau lebih banyak adalah lebih baik, tetapi banyak masalah dan seluk-beluknya yang harus dikaji oleh kedua-dua sebelum sesuatu projek itu dapat dipastikan. Jadi tidak boleh saya katakan puas hati

atau tidak oleh sebab itu projek yang berlainan bukan projek Kerajaan, tetapi projek perebet di kalangan dua pihak tertentu.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian tersebut membuat perhubungan dengan Kementerian Perpaduan Negara di dalam usaha-usaha Dewan Perniagaan Cina mengadakan rancangan dan usaha-usaha dalam perniagaan di antara dua kaum tersebut. Adakah pihak Kementerian Perdagangan membuat perhubungan dengan Kementerian Perpaduan dalam perkara ini dan adakah perkara ini di dalam perhatian Kementerian Perpaduan untuk mendapat kerjasama.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian saya belum membuat perhubungan seperti itu dan saya fikir tidak payah membuat perhubungan dengan Kementerian Perpaduan Negara dalam soal ini, oleh sebab sesuatu projek itu tidak payah dibawa ke pengetahuan Kementerian Perpaduan Negara. Walau bagaimanapun, saya percaya kalau kedua pihak berkenaan meminta bantuan dari segi spirit of muhibbah atau semangat muhibbah dan ada soal yang berkaitan dengan Kementerian itu, saya percaya mereka bolehlah dengan bebasnya berhubung, dan saya percaya Kementerian itu akan sedia membantu mereka.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri berkenaan lupa bahawa di negeri kita pun ada Dewan Perniagaan orang India. Adakah Dewan Perniagaan India bersedia menolong peniaga-peniaga bumiputra?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak ada kena-mengena.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu memang selalu terkeluar.

FAEDAH CARUMAN K.W.S.P.

2. **Tuan Tan Cheng Bee** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa bank-bank dan yaysan-yayasan kewangan telah menaikkan kadar faedah wang simpanan, samada Kerajaan akan menimbang menaikkan kadar faedah ke atas caruman K.W.S.P.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja dikehendaki oleh seksyen 4 (3), Ordinan K.W.S.P., 1961, untuk mengisytiharkan kadar faedah bagi caruman iaitu kadar yang tidak kurang daripada 2½% setahun dan tidak lebih dari kadar yang diperakukan oleh seorang actuari. Bagi 5 tahun kebelakangan, kadar faedah yang diisytiharkan oleh Lembaga itu atas nasihat actuari telah meningkat daripada 5.75% dalam tahun 1968 kepada 5.85% dalam tahun 1972. Kadar faedah ini bergantung kepada pulangan pelaburan-pelaburan oleh Lembaga itu, yang demikian, lebih banyak pulangan pelaburan, lebih tinggi pula faedah yang dapat diisytiharkan oleh Lembaga.

Oleh kerana itu, soal campurtangan Kerajaan dalam menetapkan kadar faedah atas caruman kepada K.W.S.P. tidaklah timbul memandangkan bahawa kadar itu bergantung kepada hasil pelaburan sebenarnya. Sebahagian besar dari Kumpulanwang ini dilaburkan dalam jaminan-jaminan trustee kerana sebab-sebab yang jelas dengan sendirinya dan jaminan-jaminan seperti ini tidak mungkin mendatangkan pulangan yang tinggi, oleh sebab-sebab yang jelas dengan sendirinya juga.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat membina rumah di Malaysia ini, misalnya, M.B.B.S. yang mana pembeli-pembeli rumah telah membuat satu surat perjanjian dengannya harga ansuran rumah itu tiap-tiap bulan samada 5 tahun, 10 tahun atau 15 tahun, tetapi oleh kerana bank hari ini telah menaikkan bunga pinjaman di bank, maka syarikat itu telah menuntut kepada pembeli-pembeli rumah supaya membayar bunga lebih daripada apa yang dibuat di dalam agreement itu. Adakah Menteri Kewangan boleh menegah perbuatan demikian itu?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu soalan lain.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalnya di sini bank menaikkan bunga pinjaman, saya rasa ini pun bersangkutan paut juga, sebab itulah saya bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

KEUNTUNGAN DIVIDEN PERLABURAN ASING

3. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah alir-keluar keuntungan dividen dan lain-lain dalam tahun 1972 yang dihantar oleh syarikat-syarikat asing di negara kita.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, anggaran keuntungan, dividen dan faedah yang didapati oleh perlaburan asing di Malaysia bagi tahun 1972 ialah lebih kurang \$523 juta, tetapi jumlah yang sebenarnya dibayar ke luar negeri tidaklah sebanyak itu kerana sebahagian besar daripada pendapatan itu adalah disimpan dan dilaburkan semula di Malaysia.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masalah yang yang keluar dari negara kita melalui syarikat-syarikat asing adalah serious, dan bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini apakah cara atau langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk mengurangkan ataupun lebih baik lagi menghapuskan masalah itu, bukan sahaja merupakan suatu long term focus tetapi suatu langkah yang kongkrit.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang keuntungan yang dibawa keluar ini bukanlah satu masalah yang serious seperti saya katakan tadi, tetapi daripada apa yang kita dapati bahawa masalah ini tidaklah begitu serious, kerana daripada pendapatan-pendapatan yang kita dapati bahawa tidak ada excessive outflow of funds daripada negeri kita keluar negeri, dan sebagaimana saya sebut tadi bahawa sebahagian besar daripada pendapatan-pendapatan itu dilaburkan balik ke dalam negeri ini, dan dari segi masalah hendak menyekat pengeluaran wang ini keluar Malaysia tidak ada rancangan untuk menyekatnya.

PULAU PINANG DENGAN TANAH BESAR—KAJIAN PERHUBUNGAN

4. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan telah memutuskan untuk meninggalkan idea membina sebuah sambungan yang tetap di antara Pulau Pinang (pulau) dengan tanah besar, jika tidak, nyatakan kedudukan projek ini sekarang.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, kajian perhubungan tetap di antara Pulau Pinang dengan Tanah Besar telah dibahagikan kepada dua peringkat. Di dalam peringkat pertama, kajian ini memberi perhatian kepada "alternative alignments" hubungan yang dapat dibina dan kos pembinaannya. Kajian peringkat pertama ini telah selesai dan Kerajaan telahpun mengkaji laporan yang dibuat itu. Teguran dan pandangan-pandangan mengenai laporan peringkat pertama ini telah disampaikan kepada pihak-pihak perunding supaya beberapa fakta dikaji selanjutnya. Kajian selanjutnya sedang diteruskan dan belum lagi selesai.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Rakyat di Pulau Pinang dan seluruh rakyat negara ini telah lama menunggu perkara sebuah sambungan antara Pulau Pinang dengan tanah besar. Apabila Dewan Rakyat dan Dewan Undangan bermesyuarat baharulah kita dengar perkara jambatan Pulau Pinang itu. Oleh itu, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, betulkah kita akan mengadakan sebuah jambatan di Pulau Pinang itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di Pulau Pinang tidak ada Menteri Besar ataupun di tanah besar. Cuba ulang balik pertanyaan yang akhir itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berapa jelas soalan itu, cuba ulang balik sekali lagi.

Tuan T. S. Gabriel: Rakyat Pulau Pinang dan seluruh rakyat di negeri ini telah lama menunggu sebuah jambatan di Pulau Pinang seperti dijanjikan oleh Kerajaan Campuran dan juga di masa sebelum pilihanraya yang lepas dan masa pilihanraya tahun 1969. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri betulkah atau tidak feasibility study ini yang selalu kita dengar itu mengambil masa yang terlalu lama sangat. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, betulkah negeri ini akan mengadakan satu linkage daripada Pulau Pinang dengan mainland?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, soal ada atau tidak inilah baharu dikaji, kerana ini satu perkara yang sangat besar menggunakan wang rakyat

yang boleh jadi beratus juta, kita belum ada anggarannya sebab itu kena siasat halus-halus. Kalau kita hendak pacak tiang sahaja jambatan itu akan runtuh dan ini akan menyusahkan.

Tuan T. S. Gabriel: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bilakah masanya kita akan mengadakan linkage iut?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak boleh beri jawapan sehingga pakar-pakar (consultants) memberi anggaran, dan kita akan timbangkan samada ekonomik atau tidak ekonomik, samada jambatan tinggi atau jambatan rendah ataupun hendak pakai tunnel.

Tuan Ng Hoe Hun: Soal tambahan. Menteri Perhubungan tidak mahu memberi jawapan, bila jambatan itu hendak disiapkan. Saya hendak bertanya jambatan ini siapakah yang akan bertanggungjawab, Ketua Menteri Pulau Pinangkah atau Kerajaan Malaysia?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sekarang ini siasatan sedang dijalankan oleh consultant di bawah arahan Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan laporan consultant atau perunding itu sudahkah diterima oleh Ketua Menteri Pulau Pinang atau belum?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mesti faham apabila pakar hendak membuat satu-satu rancangan tentulah kena berhubung dengan pihak-pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan pihak-pihak yang berkenaan yang ada bersangkutan-paut dengan jambatan ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Jikalau laporan itu sudah diterima, saya hendak bertanya berkenaan dengan tanah sebelah Pulau Pinang dan tanah sebelah Province Wellesley. Jika kita hendak dirikan jambatan itu siapakah tuan tanah itu, adakah kepunyaan Kerajaan Negeri atau kepunyaan orang awam ataupun kepunyaan Kerajaan Malaysia? The foundation on which the bridge is to be built, whose land is it—is it State land, Government land, or the private land since

the Minister has said that lapuran sudah dibuat tentulah tahu atas perkara ini. Rakyat hendak tahu tanah siapa itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, soal tanah ini belum timbul lagi. Kalau timbul pun Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan akan timbangan dan akan bersetuju dengan cara yang baik.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soal tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang bertanggungjawab iaitu rakyat sudah lama menunggu, penyiasatan telah lama dibuat dan kalau feri itu tenggelam Kerajaan juga susah. Dengan sebab itu, jikalau boleh Kerajaan hendaklah kurangkan red-tape. Jangan fikir terlalu panjang sebab pakar-pakar telah menyiasat hendak membuat jambatan. Kita tidak tahu, kita mengikut lapuran pakar. Oleh itu, saya minta jambatan ini dilekaskan dan rundingan itu dipendekkan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu mesti faham jambatan atau linkage itu adalah panjang jadi hendak diasiat halus-halus. Yang Berhormat hendak jambatan pendek, kalau jambatan mengikut sungai itu memanglah kita cari yang tirus, ini laut (*Ketawa*). Itu sebabnya kita pakai pakar.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Saya ingat Yang Berhormat Menteri itu silap dengar. Saya kata mesyuarat itu pendek-pendekkan sahaja, bukan hendak jambatan pendek (*Ketawa*). Kalau hendak buat jambatan pendek memang roboh langsung, sebab sana tidak sampai, sini tidak sampai. Saya mencadangkan rundingan itu dipendekkan, jangan sampai 10 tahun hendak siasat. Bosphorus iaitu penyambung daripada Turkey ke tanah besar Eropah jambatan itu sudah siap. Jalan bawah tanah di Hongkong dengan Kowloon telah lama siap. Shimonoseki di antara Kyusu dengan Munchu sudah lama siap. Tetapi, Pulau Pinang dengan Tanah Besar Malaysia ini asyik mesyuarat, itulah yang dirunsingkan. Bolehkah mesyuarat itu dipendek-pendekkan supaya jambatan itu dibuat dengan segera.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini bercakap kesah Hongkong. Hongkong itu private

syndicate. Kita ini Kerajaan kena menimbang, jadi kedua-dua ini berlainan, tidak boleh dibandingkan. Kita akan cuba seberapa segera, tetapi kita tidak hendak jambatan itu roboh, kalau dibuat dengan tergesa-gesa.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, di dalam lapuran consultant itu yang diberi kepada Kerajaan, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu berapa perbelanjaan hendak membina jambatan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan Ng Hoe Hun: Jika dia tidak mahu beri jawapan, saya hendak

Tuan Yang di-Pertua: Soal lain itu, duduklah.

Tuan Ng Hoe Hun: Soal tambahan Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya berpantun? (*Ketawa*). Bolehkah Tuan Yang di-Pertua benarkan saya berpantun—saya akan berpantun. Kalau tidak beri, saya duduk sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Ng Hoe Hun: Oleh kerana jambatan ini sudah terlalu lama rakyat menunggu—dan tidak boleh tahan lagi (*Ketawa*) dan Yang Berhormat Menteri pun kelam-kabut. Pantun ini baharu sahaja sampai di kepala saya. Pantun itu ialah begini:

Apabila tidak pasang; tangan tak pegang,

Satu kali silap; sudah masuk belakang. (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Yang Berhormat hendak tahu costnya, saya telah beritahu plannya belum siap lagi.

Tunku Abdullah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa dasar dan prinsip untuk mengadakan satu perhubungan secara jambatan telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan dan cuma sekarang cara menyelenggarakannya belum ditetapkan. Jikalau benar, adakah kemungkinan Kerajaan menyerahkan perkara ini kepada private syndicate iaitu perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menyelenggarakan bagi mengadakan jambatan ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang baharu. Perkara ini tidak timbul.

JALANRAYA KEMBAR (DUAL CARRIAGEWAY)

5. **Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Kerja-
raya dan Tenaga menyatakan memandang
kepada bertambahnya lagi kemalangan-
kemalangan jalanraya, bilakah jalanraya-
jalanraya kembar ataupun kerja melebarkan
jalanraya-jalanraya dari:

- (i) (a) Johor Bahru ke Kluang;
- (b) Kuala Lumpur ke Tajong Malim;
- (c) Kuala Lumpur ke Karak akan
dibuat; dan
- (ii) berikan satu lapuran setakat mana
kerja mengenai perkara di atas telah
dibuat dan tarikh bilakah ia akan
disiapkan.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok
Yew):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) *Jalanraya dari Johor Bahru ke Kluang.*

Buat masa ini Kementerian ber-
kenaan hanya bercadang untuk mem-
perbaiki jalan antara Johor Bahru ke
Air Hitam sahaja memandangkan
kepada banyaknya lalu lintas yang
menggunakannya. Kerja-kerja ini akan
dijalankan secara berperingkat-pe-
ringkat. Pada masa ini kerja-kerja
pembinaan jalan dua hala daripada
Johor Bahru Causeway ke Senai
sedang dilaksanakan. Kerja-kerja ini
dijangka akan siap pada awal Ran-
cangan Malaysia Yang Ketiga nanti.
Sementara itu tindakan untuk men-
gambil balik tanah untuk memper-
baiki, melurus dan melebarkan
sehingga sekurang-kurangnya 24 kaki
bagi jalan dari Senai hingga ke batu
25 sedang dijalankan. Kerja-kerja
pembinaannya pula dijangka akan
dimulakan selepas kerja-kerja ini
selesai.

(b) *Jalanraya Kuala Lumpur ke Tanjong
Malim*

Kerja-kerja merekabentuk jalan 2
hala dari Kuala Lumpur ke batu 8 dan
memperbaiki, melurus serta melebarkan
sehingga sekurang-kurangnya 24 kaki

jalan yang ada sekarang dari batu 8
hingga batu 30 dekat Batang Kali
telahpun siap.

Tawaran-tawaran bagi kerja ini di-
jangka akan dipanggil pada awal tahun
1974 dan dijadualkan akan siap kira-
kira pada akhir tahun 1976.

(c) *Jalanraya Kuala Lumpur ke Karak*

Jalanraya baru seluas 24 kaki lebar
akan dibina diperingkat permulaan di
setengah-setengah bahagian jalan di
antara Kuala Lumpur/Karak ini.
Penyiasatan-penyiasatan tanah serta
kerja-kerja yang berkaitan telahpun
siap. Tawaran bagi peringkat I iaitu
pembinaan dari batu 11 hingga batu
28, tawaran projek ini telah dipanggil
pada bulan November yang lalu dan di-
tutup pada 4hb Februari, 1974 yang
akan datang. Sementara itu tawaran bagi
peringkat II iaitu dari batu 4 hingga
ke batu 11 dan dari batu 28 hingga
ke batu 53 dijangka akan dipanggil
pada pertengahan tahun 1974. Kerja
bagi kedua-dua peringkat ini jangka
akan siap tahun 1976 nanti.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan
tambahan. Saya hendak bertanya, oleh
kerana Kementerian yang bertanggungjawab
nampaknya pada masa yang lampau apabila
membuat jalan selalunya jalan ini tidak
sampai lima enam tahun sudah sempit oleh
kerana pelannya tidak pandang ke hadapan,
seperti jalan daripada Kuala Lumpur ke
Petaling Jaya dan ke Kelang. Yang saya
hendak bertanya sekarang begini: Adakah
road reserve itu diadakan seluas-luasnya
untuk pada masa yang akan datang supaya
jangan terpaksa membeli lagi tanah untuk
road reserve ini? Adakah road reserve
yang luas disediakan untuk membuat jalan
ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-
Pertua, setahu saya memang ada road
reserve. Akan tetapi berkenaan dengan
keluasan jalan-jalanraya di negara kita ini
adalah bertambah sangat cepat. Ini adalah
satu bukti yang menunjukkan bahawa
negara kita ini sedang mencapai kemajuan.
Dengan itu perkara ini akan dipulangkan
kepada pakar-pakar yang bekerja di bawah

Kementerian ini supaya apa juga langkah-langkah yang baik akan diambil untuk keluasan jalanraya pada masa yang akan datang.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan jalanraya kembar (dual carriageway), di dalam jawapan Yang Berhormat Menteri ada berkata daripada Kuala Lumpur ke Tanjong Malim kita ada dua carriageway sekarang, betulkah atau tidak?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu tidak berapa faham apakah jawapan saya. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan membaca Hansard esok pagi.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar Jalan Air Hitam ke Johor Bahru ialah satu jalan yang sangat sibok, sebab banyak kereta menggunakan jalan itu dan ada pelancung-pelancung dari luar negeri mengatakan jalan ini adalah satu jalan yang berbahaya, sebab pelancung telah mendapat luka dalam satu kemalangan. Dengan sebab itu, bolehkah Kerajaan membuat satu target untuk mengadakan jalan dua hala dari Johor Bharu ke Air Hitam?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya sudah jawab.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan ada jalan dua hala dari Johor Bahru sampai ke Senai. Tetapi dari Senai sampai ke Air Hitam bilakah boleh siap jalan dua hala itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan ditimbangkan di bawah Kementerian ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perhubungan selalu beri lesen dan beli kereta, bas, lori. Rancangan ini sudah ada. Tetapi jalanraya kita selalu sempit (very narrow). Pada masa orang putih sampai sekarang pun jalan itu sempit. Tadi Menteri mengatakan dari Kuala Lumpur ke Tanjong Malim jalan itu akan diluaskan. "Akan" sahaja. Tetapi bila, kita tidak tahu. Menteri Perhubungan berkata

kita akan beri lesen sekarang banyak kereta, bas dan lori. Bilakah hendak buat? "Akan" sahaja, saya tidak mahu dengar. Saya mahu tahu bila hendak buat. (*Ketawa*) Sebab lori sudah banyak.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu jawab soalan ini oleh kerana perkara ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Dia tidak mahu jawab, apa boleh buat (*Ketawa*).

GURU SEMENTARA KE JAWATAN TETAP

6. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan guru-guru sementara yang telah menjalani latihan di pusat-pusat latihan guru dan bilangan mereka yang telah diserap ke dalam jawatan tetap; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah atau sedang diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru di negeri ini yang dijangka berjumlah seramai 10,000 orang pada tahun hadapan dan sejauh manakah masaalah itu telah diatasi.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangannya 912. Mereka yang sudah lulus dalam latihan ini adalah layak memohon jawatan-jawatan tetap. Saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sedang menjalankan temuduga bagi mereka yang telah memohon.
- (b) Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:
 - (i) meneruskan kursus latihan dalam masa cuti bagi guru-guru sementara yang memenuhi syarat-syarat untuk menjalani latihan;
 - (ii) memperbanyakkan bilangan guru-guru dilatih di Maktab-maktab Perguruan;
 - (iii) memperbanyakkan bilangan guru-guru mengikuti kursus khas bagi guru-guru sains dan ilmu hisab di Universiti Pertanian dan Institut Teknologi Kebangsaan;

- (iv) memperbanyakkan bilangan guru-guru mengambil kursus pendidikan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, dan kursus persepadu (Integrated Course) di Universiti Kebangsaan dan Universiti Sains.

Kekurangan guru-guru terlatih ini hanya dapat diatasi secara beransur-ansur. Kedudukannya akan menjadi lebih baik apabila empat buah Maktab Perguruan yang baru siap dibina dan mengeluarkan guru-guru terlatih.

AKTA PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS

7. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai budak-budak perempuan di bawah umur lapan belas tahun jatuh ke lembah maksiat, dan jika ya, samada Kementerian beliau akan mengenakan hukuman yang berat ke atas pengusaha-pengusaha maksiat ini.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu barangkali tidak sedar akan adanya undang-undang bernama Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973, yang telah diluluskan oleh Dewan pada awal tahun ini bagi melindungi wanita dan gadis daripada jatuh ke lembah maksiat atau digunakan sebagai pelacur. Undang-undang itu juga ada peruntukan bagi menghukum mereka yang hidup atas pendapatan dari pelacuran orang lain.

Penjatuhan hukuman adalah terpulung kepada Mahkamah dan bukan kepada Kementerian saya.

LORI MALAYSIA

8. Tuan Tan Cheng Bee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan kadar bayaran pengangkutan yang dikenakan oleh MARA kerana menggunakan lori-lorinya.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Lori MARA yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini agak

saya ialah Syarikat Lori Malaysia Berhad. Syarikat ini telah memutuskan tidak mengadakan kadar tambang yang tetap, tetapi walau bagaimanapun kadar tambang yang dikenakan adalah berpatutan dan setanding dengan pengusaha-pengusaha lori yang lain dan layanannya ditanggung baik dan memuaskan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah benar lori yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen yang berkenaan tadi selalu sahaja menerima kerosakan, selain daripada kerosakan itu pula susah mendapat spare parts barang-barang itu, dengan keadaan ini menyebabkan kerugian pada perniagaan itu, apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masaalah ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana syarikat ini lorinya banyak memanglah ada salah satu daripadanya yang rosak. Soal rosak ini tidak boleh dielakkan, tetapi walau bagaimanapun setakat ini syarikat tersebut telah mendapat keuntungan yang baik.

KERETA MALAYSIA MASUK KE SINGAPURA

9. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa mulai 1hb November, 1973 Kerajaan Singapura berkehendakkan kereta-kereta yang didaftarkan di Malaysia yang masuk Singapura mengambil permit dan mematuhi syarat-syarat lain sebelum dibenar masuk ke Singapura dan peraturan ini tidak setimpal dengan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada kereta-kereta yang didaftarkan di Singapura yang masuk ke Malaysia, jika ya, samada Kerajaan bercadang mengenakan peraturan-peraturan baru kepada kereta-kereta yang didaftarkan di Singapura yang masuk ke Malaysia pada masa akan datang, dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini saya percaya Yang Berhormat itu telah mendengar apabila saya menjawab soalan yang semacam ini pada 20hb November yang lalu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan kita menghantar bantahan atas perkara ini kepada Kerajaan Singapura?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu barangkali sudah lupa. Saya katakan sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya dengan bahagian-bahagian Kementerian yang lain supaya menyiasat dengan sehalus-halusnya apa yang hendak diakukan kepada pihak Kerajaan sebelum kita mengadakan satu tindakan yang tertentu. Perkara ini belum putus lagi.

MAS—BOEING 707

10. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan samada MAS akan membeli Boeing 707 sebagaimana yang dilaporkan oleh *Straits Times* baru-baru ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bahawa adalah benar bahawa Syarikat MAS telahpun membeli 2 buah kapal-terbang jenis Boeing 707-338C. Sebuah daripada kapalterbang itu telahpun diterima oleh Syarikat MAS dan sedang digunakan untuk penerbangan Kuala Lumpur/Hong Kong/Taipei dan balik. Sebuah lagi kapal-terbang itu akan diterima oleh Syarikat MAS pada 23hb Februari, 1974. Kedua-dua kapalterbang itu akan diguna untuk penerbangan dari Kuala Lumpur/Hong Kong/Taipei/Tokyo dan balik sebagaimana dirancang untuk pelancaran dalam bulan April, 1974 nanti.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Di waktu MSA berpecah antara Singapura dengan Malaysia, pada masa itu saya ada bertanya, apa sebabnya Boeing 707 yang dipunyai oleh MSA, Kerajaan Malaysia tidak ambil Boeing 707. Boeing 707 yang MSA ada 2 buah dahulu tidak diambil dan dijawab oleh Menteri bahawa kapalterbang Boeing 707 itu kita tidak mahu, sebab kita akan beli kapalterbang yang lebih baik. Tetapi kita juga ambil Boeing 707 pinjam dari Qantas, jadi apa sebab dibuat demikian?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu faham bahawa dasar (policy) MAS

pada mula-mulanya hendak berkhidmat untuk perkhidmatan dalam negeri (domestic) ataupun di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sahaja terlebih dahulu, kerana baharu setahun jagung kita menjalankan penerbangan, tetapi menengokkan pada keadaan international, terpaksa kita mesti masuk juga penerbangan international, kalau tidak, kita akan luput peluang-peluang itu, maka dengan sebab itu baharulah kita memutuskan hendak membeli Boeing 707. Tetapi Ahli Yang Berhormat ini mesti faham bahawa Boeing 707 ini banyak versionnya, kalau kita beli macam MSA yang lama, sudah lapuk dan 2 tahun kita tidak pakai kita akan rugi lebih banyak lagi. Yang kita beli ini, kita telah cuba, kita charter, hire purchase with option to buy, ini latest model. Maka itulah sebabnya kalau hendak berniaga, kapalterbang kalau tidak tahu bertanya terlebih dahulu—ini satu perniagaan yang cukup competitive.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya tidak tahu saya bertanya, saya tidak faham iaitu Boeing 707, kedua-dua Boeing 707. Sungguhpun MAS umurnya cuma setahun jagung, Singapore International Airlines pun setahun jagung umurnya oleh kerana separation, tetapi Singapura boleh terbang sampai ke England, kita sampai dalam kawasan kita sahaja—jadi itu bukan soalnya.

Soalnya sekarang apakah sebab Boeing 707, dahulu kita tidak hendak ambil, kita mengatakan bahawa kita tidak berkehendakkan Boeing 707 tidak sampai berapa hari atau berapa bulan kemudian, kita ambil pula daripada Qantas Boeing 707 itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab tadi.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini, berapa sewa yang kita bayar tiap-tiap tahun pada Qantas?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan yang baru, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan V. David: Tadi Yang Berhormat Menteri berkata kalau kita tidak jalankan Boeing 707, cuma simpan sahaja, barangkali

kita kena menanggung perbelanjaan yang lebih. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada bertanya, apabila berpecah antara Malaysia dan Singapura, kapalterbang SIA ada sampai ke England, Copenhagen dan lain-lain tempat di Eropah Barat, tetapi MAS sampai sekarang tidak ada sampai ke tempat-tempat yang Singapura sudah sampai, fasal apa? Adakah oleh kerana kita tidak ada planning, atau barangkali Yang Berhormat Menteri sudah lupa atas perkara ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak ada kena-mengena dengan soal beli kapalterbang.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Apabila MSA sudah berpecah dan kita menubuhkan MAS, Yang Berhormat Menteri ada berkata dalam Dewan ini, dasar ekonomi kita mahu terbang ke tempat-tempat dalam kawasan kita sahaja, sebab kita tidak mahu pergi ke seluruh dunia, barangkali tidak boleh berniaga. Sekarang sudah terbalik pula, mahu terbang ke seluruh dunia, apakah dasar ekonomi kita?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat ini tidak dengar, saya telah jawab tadi. Dasar MAS pada mulanya ialah hendak membetulkan hubungan penerbangan domestic services. Apabila keadaan sudah baik, baharulah meningkat kepada penerbangan international kita bukan hendak step in.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di suatu hari sebuah kapalterbang di lapangan-terbang kita, namanya Sabah Malaysia. Adakah kapalterbang itu harta MAS atau tidak? Kalau bukan harta kita, ini harta siapa?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak kena-mengena dengan Sabah Malaysia atau MAS.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

Tuan V. David: Adakah syarikat-syarikat lain membeli kapalterbang di negara kita dan boleh berniaga di dalam negara kita? Kalau lain-lain syarikat hendak menyimpan tiga atau empat buah kapalterbang bolehkah mereka berniaga di sini? Saya nampak ada

kapalterbang Sabah Malaysia, adakah itu harta kita ataupun tidak? Soalan ini amat senang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain walaupun senang.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Menteri yang berkenaan betulkah MAS akan menaikkan sewanya 6% dan kalau betul tidakkah langkah ini boleh menghalang perpaduan Malaysia Barat dengan Malaysia Timur?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

KENDERAAN BASIKAL—LAMPU MERAH

11. Tuan Su Liang Yu (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau benar-benar sedar akan bahaya besar kepada nyawa manusia terbit daripada pemandu-pemandu basikal berjalan pada waktu malam tanpa lampu belakang dan dengan kerana itu tidak dapat dilihat oleh pemandu motokar yang datang dari belakang, dan jika sedar, bolehkah beliau mengambil tindakan segera untuk melaksanakan undang-undang yang melarang pemandu-pemandu basikal berjalan pada waktu malam tanpa lampu belakang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar keadah ataupun rule mewajibkan tiap-tiap kenderaan basikal memasang lampu merah atau reflector di belakang ada diperuntukkan di bawah rule 35 (3) dalam Rule-rule Lalu Lintas, 1959. Penonggang-penonggang basikal yang tidak mematuhi peruntukan rule ini boleh didakwa di bawah Undang-undang atas Seksyen 146 (1) (d), Ordinan Lalu-lintas Jalan, 1958 dan boleh didenda sampai \$200. Memasang lampu merah atau reflector di belakang ini juga dikehendaki mengikut perenggan 63 Panduan Jalanraya yang jelas menyatakan bahawa lampu merah ini mesti dipasang supaya basikal boleh kelihatan daripada belakang di waktu malam, terutama sekali jalan-jalan yang gelap, banyak kereta yang datang dari sebelah belakang. Walau bagaimanapun, penonggang-penonggang basikal sentiasa dinasihatkan memasang lampu

merah di belakang basikal mereka untuk keselamatan. Pihak penguatkuasa undang-undang juga sentiasa mengambil tindakan ke atas penunggang-penunggang basikal yang engkar.

PEPERIKSAAN NILAIAN DARJAH TIGA

12. **Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) tujuan-tujuan mengadakan Peperiksaan Nilai-nilai Darjah Tiga tahun ini;
- (ii) samada benar bahawa soalan-soalan dalam kertas-kertas soalan diberitahu kepada guru-guru dahulu sebelum dibahagikan kepada murid-murid; dan
- (iii) samada beliau sedar bahawa terdapat beberapa kesalahan di dalam kertas-kertas soalan dan juga cetakkannya kelabu.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) tujuan mengadakan "Ujian Darjah Tiga untuk Bahasa dan Ilmu Hisab" ialah untuk mengetahui kecekapan murid-murid di dalam matapelajaran-matapelajaran tersebut sesudah belajar selama tiga tahun pertama di dalam sekolah-sekolah rendah. Melalui ujian ini kelemahan seseorang murid akan dapat ditentukan dan langkah-langkah yang perlu akan diambil untuk mengatasi kelemahan itu.
- (ii) Tidak benar.
- (iii) Tidak.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Kerajaan mengadakan Peperiksaan Nilai-nilai Darjah V, adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersetuju dengan saya Peperiksaan Nilai-nilai Darjah III ialah sangat cepat—it is a very early stage to have an assessment examination.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu.

KURSUS BAHASA MALAYSIA

13. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa ramai guru-guru wanita bukan

Melayu yang sudah bersuami mengalami kesulitan-kesulitan dan masaalah kerana terpaksa pergi ke Kuala Lumpur dan Kota Bharu untuk menghadiri Kursus Bahasa Malaysia; dan jika ya, bilakah Kerajaan akan menubuhkan pusat-pusat daerah seperti yang dijanjikan untuk menjalankan Kursus Bahasa Malaysia bagi guru-guru ini.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kursus Bahasa Malaysia yang dijalankan di Maktab Perguruan, Kota Bharu, dan Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur, adalah selama tiga bulan sahaja. Demi kepentingan memperbaiki kebolehan dan mutu pengajaran mereka melalui bahasa pengantar Bahasa Malaysia, patutlah guru-guru ini bersedia membuat sedikit pengorbanan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa bersedia mempertimbangkan segala rayuan yang dibuat oleh guru-guru jika benar-benar guru-guru itu mengalami kesulitan-kesulitan. Pada tahun lalu dan tahun ini Kementarian saya sudahpun membenarkan beberapa orang guru wanita menangguhkan kursus mereka sehingga ke satu masa yang mengizinkan.

Berkenaan dengan menubuhkan pusat-pusat daerah, perkara ini sedang dipertimbangkan. Pada masa ini kursus Bahasa Malaysia bukan sahaja dijalankan di Maktab Perguruan Kota Bharu, dan Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur tetapi juga di Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur, Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka dan Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Bharu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita tadi, iaitu Kerajaan sentiasa mempertimbangkan rayuan-rayuan yang dikehendaki oleh guru-guru wanita ini. Saya hendak bertanya Kementerian ini, Kementerian ini memberi timbangan ini dari segi mana; adakah dari segi kemanusiaan ataupun daripada segi perjawatannya?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemanusiaan.

LEBUHRAYA TIMUR—BARAT

14. **Tuan Lim Cho Hock** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan kemajuan yang telah dicapai

sehingga 1hb Disember, 1973 mengenai Lebuhraya Pantai Barat—Pantai Timur, dan mengapa tarikh siap projek ini telah ditundakan hingga kepada tahun 1977.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kemajuan yang telah dicapai setakat ini terhadap pembinaan lebuhraya Timur-Barat ialah seperti berikut:

BAHAGIAN BARAT

Kerja-kerja membina "road formation" telah siap hingga ke batu 12. Sementara itu pembinaan "pilot track" telah tiba hingga ke batu 23 di mana sebuah jambatan menyeberangi Sungai Perak akan dibina kelak.

BAHAGIAN TIMUR

Kerja-kerja membina "road formation" setakat ini telah siap hingga ke batu 12 juga.

Sementara itu tawaran-tawaran antarabangsa bagi 5 jambatan-jambatan yang besar sepanjang lebuhraya ini telahpun dipanggil dan sedang diproses dan keputusannya akan dibuat sebelum akhir tahun ini. Pembinaan jambatan-jambatan ini dijangka akan mengambil masa selama 4 tahun. Oleh sebab yang demikian jangka masa siapnya keseluruhan projek ini terpaksa ditunda hingga ke tahun 1977.

PERUBATAN KE CINA—RAWATAN

15. Tuan Chan Fu King minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar tentang kelambatan dalam hal memproseskan permohonan-permohonan bagi rawatan perubatan di negeri Cina walaupun pesakit-pesakit itu perlu penyembuhan yang segera.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, biasanya permohonan-permohonan untuk kebenaran melawat Negeri Cina kerana mendapatkan rawatan perubatan mengambil masa lebih kurang 2 minggu untuk diproses dan diberi keputusan. Tiap-tiap permohonan itu perlu dirujuk kepada pihak Polis dan juga Kementerian Kesihatan. Dan juga biasanya seseorang pemohon itu dikehendaki mengemukakan perakuan (recommendation) atau pandangan dari doktor atau pakar perubatan bahawa ia mengidap penyakit yang tidak ada

kemudahan perubatan di negeri ini. Pada hemat saya masa yang perlu diambil bagi memproses permohonan-permohonan seperti yang terdapat sekarang, iaitu 2 minggu bukanlah merupakan suatu kelambatan.

STESYEN TALIVISYEN DI BUKIT BENDERA

16. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan sehingga hari ini untuk membina jalan ke Stesyen Talivisyen dan Gelombang Mikero di Bukit Bendera, Pulau Pinang dan nyatakan kemajuan dalam pembinaan jalan itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu tidak ada dan belum ada cadangan untuk membina Stesyen Talivisyen atau Stesyen Gelombang Mikero di Bukit Bendera, Pulau Pinang. Oleh yang demikian tidaklah dapat saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu.

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA

17. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) mengapa insentif-insentif tidak diberi kepada murid-murid bukan Melayu dalam Darjah Lima yang memperolehi lima kepujian terbaik (distinction) dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima seperti yang diberi kepada murid-murid Melayu, termasuk mereka yang hanya memperolehi tiga atau empat kepujian terbaik (distinction); dan
- (ii) samada Kerajaan mempunyai apa-apa niat untuk memberi "double promotion" kepada murid-murid yang memperolehi lima kepujian terbaik (distinctions) dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima seperti telah dijanji bila Peperiksaan itu diperkenalkan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Soalan ini tidak timbul kerana tidak ada insentif-insentif diberikan kepada murid-murid Melayu yang mendapat kelulusan baik dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima.

(ii) Tidak, kerana tujuan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima itu hanyalah untuk menilai kemajuan murid-murid setelah mereka berada di Sekolah Rendah selama lima tahun untuk membolehkan murid-murid yang tidak mendapat keputusan yang memuaskan diberi bimbingan yang lebih oleh guru-guru dalam masa mereka di Darjah Enam.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pelajaran mengetahui bahawa dalam masa yang lampau murid-murid dari sekolah kebangsaan atau juga dari sekolah jenis kebangsaan apabila di dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima dia menerima 5A kerap kali terpilih masuk ke sekolah asrama penuh. Tetapi pada tahun ini beberapa orang murid daripada sekolah kebangsaan dan juga daripada sekolah jenis kebangsaan mendapat 5A tidak dipilih masuk ke sekolah asrama atau juga masuk ke Maktab Sains MARA, apakah sebabnya?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang berasrama penuh yang ada sekarang sudah tidak ada tempat lagi untuk mengambil semua kanak-kanak yang mendapat kelulusan 5A sebagai yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi pada tahun 1974 ini beberapa buah sekolah asrama penuh akan siap dan mereka itu akan dipilih untuk masuk dalam asrama yang tersebut.

GETAH—KEJATUHAN HARGA

18. Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Perusahaan Utama menerangkan sebab-sebab kejatuhan segera harga getah dalam pertengahan tahun 1973.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, semenjak awal tahun 1973 harga getah telah beransur baik berbanding dengan harga getah pada tahun 1972. Ini disebabkan oleh permintaan yang bertambah kuat di pasaran dunia. Tetapi pada kira-kira pertengahan tahun 1973 ini beberapa faktor yang tidak dapat dikawal telahpun berlaku di negara-negara pengguna yang besar di Eropah Barat dan juga di Amerika Utara dan telah mengakibatkan kelunggaran permintaan jangka pendek dan dengan ini

harga-harga turun sedikit. Faktor-faktor ini termasuklah masa cuti dan pemogokan yang menyebabkan firma-firma yang menggunakan getah asli tertutup, bertambah pula kenaikan faedah bank di Amerika dan di Eropah telah menyebabkan firma-firma itu menurun sedikit stoknya. Walaubagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum harga getah telahpun naik sehingga pada masa sekarang ini melebihi \$2.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN

19. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa kelewatan yang sangat sampai dua hingga tiga tahun untuk memproses dan meluluskan permohonan-permohonan kewarganegaraan pemegang-pemegang kad pengenalan warna merah bukan sahaja satu masalah umum. Jika sedar, adakah Kerajaan bersedia menjalankan tindakan-tindakan yang berkesan bagi memproses permohonan-permohonan tersebut dan dengan itu melapangkan perasaan dan menghilangkan keraguan orang ramai.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun dijawab dengan panjang lebarnya di Dewan ini pada 27hb November, 1973.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 20 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

TARIAN SINGA

20. Dr A. Soorian minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bersetuju bahawa Tarian Singa merupakan satu-satunya corak kebudayaan Malaysia, jika tidak, mengapa dan jika ya, nyatakan sebab-sebabnya kebenaran tidak diberi untuk pertunjukan tarian tersebut di beberapa tempat baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Harus bagi Ahli Yang Berhormat itu mengetahui adanya suatu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan soal mengenai

kebudayaan patutlah dituju kepada Yang Berhormat Menteri Yang berkenaan dan bukan kepada saya.

Baru-baru ini hanya ada satu permohonan untuk mengadakan Tarian Singa sahaja yang ditolak, iaitu permohonan untuk mengadakannya di landasan Lapangan Kapal terbang Antarabangsa, Kuala Lumpur pada 15-9-73. Berhubung dengan ini Kementerian saya telahpun mengeluarkan kenyataan akhbar pada 29-9-73 yang menjelaskan mengapa permohonan itu ditolak.

CUKAI PENDAPATAN SUAMI ISTERI

21. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada menjadi dasar Kerajaan tidak mahu menggalakkan perempuan-perempuan yang sudah berkahwin dari bekerja kerana mereka kena bayar cukai pendapatan pada kadar yang lebih (misalnya, pelepasan cukai pendapatan seorang wanita yang belum berkahwin ialah \$2,000 setahun dan selepas berkahwin ialah hanya \$1,000 setahun); dan
- (b) samada kerajaan sedar bahawa belanja sara hidup pada masa sekarang telah melambung naik tetapi kadar cukai pendapatan tidak pernah diulangkaji sejak beberapa tahun yang lepas, dan jika ya, samada kerajaan bercadang hendak mengulangkaji Ordinan Cukai Pendapatan mengikut keadaan-keadaan pada masa ini.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):

- (a) Sistem cukai pendapatan kita menganggap suami isteri sebagai satu unit bagi tujuan-tujuan cukai. Cara pengiraan ini diasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan keadilan, ekonomi dan hasil. Adalah berpatutan bagi kita membuat kesimpulan bahawa suami isteri-suami isteri biasanya menyatukan pendapatan-pendapatan mereka. Dengan itu, sepasang suami isteri boleh menikmati keuntungan di dalam perbelanjaan jika dibandingkan dengan dua orang perseorangan yang memperolehi pendapatan yang sama. Umpamanya seorang suami isteri perlu mengadakan satu tempat kediaman

dan bukan dua tempat kediaman seperti dikehendaki sebelum mereka berkahwin. Oleh kerana sepasang suami isteri boleh menikmati keuntungan-keuntungan ini, mereka boleh membayar cukai yang lebih sedikit daripada dua orang yang mempunyai pendapatan yang sama.

Kita tidak bersetuju bahawa cara pengiraan sekarang telah mengakibatkan wanita-wanita yang sudah berkahwin tidak gemar bekerja kerana, dengan cara sekarang, wanita-wanita tersebut masih memperolehi sebahagian besar daripada pendapatan-pendapatan mereka. Walaupun jika Ahli Yang Berhormat itu betul di dalam taksirannya, kesan itu mungkin dikehendaki oleh kerana kebaikan-kebaikan daripada pekerjaan boleh dibahagikan kepada seberapa ramai orang yang boleh memandangkan kepada keadaan pengangguran dalam negeri ini.

- (b) Berkenaan dengan soalan yang kedua, pengurangan cukai pendapatan tidaklah merupakan cara yang terbaik bagi menyelesaikan masalah kenaikan sara hidup. Ini akan menyebabkan keadaan bertambah buruk dan hanya akan menambahkan masalah kerana langkah ini akan menyebabkan lebih banyak wang diedarkan. Ini akan membawa kepada kenaikan harga yang lebih tinggi. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat menyedari, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah fiskal dengan memudahkan pengimpotan barang-barang keperluan bagi mengatasi masalah kenaikan harga-harga dan dalam belanjawan tahun 1974 yang telah diisytiharkan minggu lepas, langkah-langkah lanjut telahpun dikemukakan untuk mencapai matlamat yang sama.

PETAK LETAK KERETA DI IBU KOTA

22. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan samada beliau sedar bahawa tempat-tempat letak kereta diadakan di sepanjang jalan-jalanraya yang sibuk di Ibu Kota dan jika ya, samada tempat-tempat letak ini akan dipindahkan ke tempat-tempat lain.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Untuk melegakan kekurangan kemudahan letak kereta di dalam Ibu Kota, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dapati perlu mengadakan petak-petak letak kereta di sepanjang jalan-jalanraya yang tertentu yang dianggap mencukupi untuk perjalanan trafik. Apabila sebatang jalanraya yang ada tempat letak kereta di sepanjangnya menjadi sesak kemudahan letak kereta sepanjang jalanraya ini akan dihentikan.

RUMAH LUNYONG SUNGAI SERUPAI, BINTULU—KEJADIAN

23. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa kira-kira pada bulan Ogos, 1973 seorang anggota Pasukan Polis Hutan yang mengiringi dua orang Menteri Negeri semasa melawat untuk berjumpa orangramai di Rumah Lunyong, Sg. Serupai, Bintulu, di Bahagian Keempat Sarawak, telah menembak seorang laki-laki di hadapan Menteri dan khalayak ramai itu dan jika ya, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan:

- (a) untuk memberi pampasan kepada keluarga orang yang mati itu;
- (b) terhadap anggota Pasukan Polis Hutan itu; dan
- (c) untuk menentukan yang kejadian-kejadian sedemikian tidak akan berlaku lagi.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya suka memberitahu apa yang sebenarnya berlaku. Pada 14-8-73 dua orang Menteri Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat lawatan ke Rumah Lunyong, Sungai Serupai, Bintulu, Bahagian Keempat Sarawak untuk bertemu dengan penduduk-penduduk di situ. Mereka itu telah diiringi sebagai eskot oleh dua orang Mata-mata Biasa, bukan anggota Pasukan Polis Hutan. Seorang daripada Mata-mata Biasa itu telah membawa sterling gun. Semasa persiapan-persiapan sedang dibuat untuk perbincangan dengan Menteri-menteri berkenaan, sterling gun dalam pegangan Mata-mata Biasa yang berkenaan itu telah meletup dan terkena

kepada salah seorang penghuni rumah panjang berkenaan.

- (a) Berkaitan dengan soalan (a), perkara ini telah dirojok kepada Peguam Besar Negeri Sarawak yang telah mengarahkan supaya inquest (inquest) diadakan atas kejadian ini. Oleh yang demikian perkara pemberian pampasan oleh pihak Kerajaan kepada keluarga si mati itu adalah tertakluk kepada keputusan inquest (inquest) itu, melainkan pihak keluarga si mati telah mengambil tindakan menuntut pampasan daripada pihak Kerajaan.
- (b) Berhubung dengan soalan (b), tindakan yang akan diambil terhadap Mata-mata Biasa yang berkenaan adalah juga tertakluk kepada keputusan inquest (inquest) itu.
- (c) Mengenai soalan (c) perlu saya tegaskan bahawa sudah sememangnya ada arahan-arahan tertentu diberi kepada semua anggota Polis untuk mengetahui cara-cara menjaga keselamatan senjatapi-senjatapi mereka itu supaya tidak berlakunya sebarang kejadian/kemalangan yang memudaratkan. Tiap-tiap anggota Polis yang diberi senjatapi itu adalah mahir/terlatih untuk menggunakan jenis senjatapi yang diberi kepadanya.

Ini bererti tindakan-tindakan lain tidaklah perlu lagi diambil untuk menentukan kejadian ini daripada berlaku.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG STEM (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengubah setengah-setengah kadar Duti Stem yang kena dibayar di bawah undang-undang berhubung dengan Duti Stem di bahagian-bahagian Malaysia yang berlainan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 3)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKLAN, 1974

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (10hb Disember, 1973).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,894,423,905 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1974, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala belanja pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1974 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32 tahun 1973, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 dan 7 senarai tersebut. (10hb Disember, 1973).

Perbahasan disambung semula.

3.36 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk bercakap atas dua

tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan beliau pada 5hb Disember yang baharu lalu sewaktu beliau membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in giving some comments on the current programmes that are uppermost in the hearts and minds of every Malaysian, I would say that the Budget Speech of the Honourable Finance Minister was thought provocative. The figures given were very encouraging, but when he put the blame mainly on the people of this country for causing the present high prices of commodities because the people spent more and not less, we begin to wonder.

The anticipations as given by the Honourable Finance Minister for the coming year and the various measures he had stated in the Budget speech, if all goes well, may be expected to sooth the worried minds of most Malaysians. However, Sir, these measures when translated do not appear to help solve or even reduce the problems of high prices in this country. I am sure that when the Honourable Finance Minister prepared his Budget speech he must have, like many other Malaysians, wished that Newton was right when he had said, "what goes up must come down". In this respect, Sir, Newton is wrong because prices are still going up. The measures so far taken appear to have no visual impact at the moment on the prevailing situation. Even those goods on which the Minister had reduced or abolished duties are still sold at the same if not higher prices, like toys, for example, for our children which carried 35% reduction.

We were told by the Honourable Finance Minister that one of the main causes of inflation was that there was too much money chasing too few goods. His advice on this, Sir, was to spend less and not more. From the layman's point of view, more spending indicates that the rakyat has plenty of money to spend, and from the same point of view, too little goods around shows that the Government had failed to come up to the people's expectations to produce more. It also shows that there is an unhealthy imbalance between the increased capability of spending by the rakyat and the availability of commodities in the country. The obvious remedy therefore should be to produce more goods rather than spend less.

The Government should therefore encourage more productivity in this sector so that though Malaysians have much money they will be able at the same time to purchase all the goods they need. In the meantime, in order to reduce too much money chasing too few goods, the Government should also encourage the setting up of more channels to attract this readily available capital and plough it back into productive investments and developments of the country. In this way, Sir, prices will not be soaring upwards all the time and inflation will be greatly reduced.

This is because the hot money available in the country would be channelled elsewhere for more production or making commodities. This will result in more goods being available most of the time.

The Honourable Finance Minister attributed the high consumer prices in Malaysia to imported inflation. Many Malaysians cannot understand why that should be so in view of the fact that our Malaysian ringgit has gone up in value as compared to the currencies of most of the countries from where these goods come. It should be the other way round. We should be paying less for these goods instead of paying more as we are now doing. Therefore, there must be some other reasons which the Honourable Finance Minister has not told us. I would attribute these high consumer prices to cost of transportation. This is so because of the Middle-East war and the consequent energy crisis created by the withholding of Arab oil to many countries. Most of these countries had to ration their oil and thus the cost of transportation is affected.

Another reason is our high protective tariff. We put them up because we want to protect our local industries from outside competition. However, these industries have abused these protections and have not come up to expectations on local production and have often tended to be monopolistic, thereby creating a situation where prices are adversely affected.

One other view is that the internal distribution system of these goods, both locally produced and imported, is not efficient. This is understandable in view of the insufficient infrastructure. The quota

systems of importing goods, the quota systems of distributing these goods within the country and the lack of infrastructure in most areas are contributory factors that should be looked at closely and reviewed. They have a very unhealthy effect on prices of consumer goods in this country. The ultimate victims are the consumers. They always inadvertently get a raw deal and feel the pinch. I therefore hope that the Government will look into these various aspects of my observations and comments on the current problems that affect every Malaysian pocket everywhere and, worse of all, our poor rural rakyat in this country.

In the final analysis, it is the duty of any Government to ensure that the goods are delivered cheaply to the people. The most surprising aspect of the Budget speech was in Paragraph 116, Sir, about another increase in the price of petrol in Sarawak. The Honourable Finance Minister had readily agreed to the request of the State Coalition Government of Sarawak to raise the duty on petrol. Immediately the next day, the price of petrol in Sarawak had gone up by 30 cents per gallon and lubricating oil cost 40 cents more per gallon. At the time of speaking, I am not aware yet what impact these increased duties will have on the sales of mixed benzine for outboard motors especially in the ulu and coastal areas in Sarawak. What we cannot understand is why should the Sarawak State Coalition Government request for this increase? The State Coalition Government should have been aware of the adverse effect of their previous request during the last Budget when it had asked for an increase of 10 cents per gallon on petrol for Sarawak. The price had gone up disproportionately, especially in the rural areas. Any increase on the price of this basic source of energy will set off a chain of reaction. Transport costs will go up. Retailers and importers will not want to absorb this additional transport cost and eventually all the importers, wholesalers, retailers and middlemen will pass these increases on to the consumers. The price of goods will go up. At this time of our development in Sarawak, when we are still struggling from the shock of the increased petrol duties of last year which had adversely affected prices specially in the rural areas in Sarawak, at a time when our people are beginning to appreciate the

Government's effort in bringing about a more secure situation for them, at a time when the Government's effort in both the economic and the social fronts are beginning to bear fruit, and at a time when the rakyat are coming around to help the Government to help themselves in all sectors of our economic development, it is therefore regrettable that the State Coalition Government, with the concurrence of the Federal Government, has suddenly added to their too overburdened shoulders this additional burden of further increase in prices which are already so unbearable. No matter how many items are now exempted from duties, no matter how much reductions on import duties are made to bring down prices, and no matter what efforts are put towards more development, this new threat of high prices on Sarawak's horizons will dampen further our spirits of reliance and vision. This is a classic example where the Government is giving with one hand by reducing and abolishing import duties to bring down the prices and taking with the other by increasing the duties and therefore the prices of petrol which will greatly activate another price increase in Sarawak.

I hope, therefore, that the Honourable Finance Minister will consider this very seriously and stop the implementation of this new increase in petrol duties. It is a very sad thing when we consider that Sarawak produces most, if not all, of our Malaysian oil. According to our Honourable the Finance Minister, we produce 99,000 barrels or more than 4 million gallons a day. We only use about 15,000 barrels or about 633,000 gallons of petrol a day in Malaysia. To those Malaysians in Sarawak, this Budget is going to be an energy crisis Budget. 1974 will be yet another bleak year for many Sarawak homes and Sarawak families. Now they need to be told to spend less. They are compelled to buy less because goods in Sarawak will now cost more than before.

Another very sad thing for Malaysians in Sarawak is the fact that many of them have now to foot the many bills which are caused by the State Coalition Government's high spending of public money. Perhaps this is the main reason why the State Coalition Government had purposely asked for the increase in petrol duty this time. Helicopter hires for 1973 was estimated at \$1.7 million. The last National Day celebrations in Sarawak alone

had cost \$500,000 officially and even more unofficially. There are cases of high Government spending on prestigious projects that do not bring any economic benefit to the people in the country. Celebrations are welcome and they should be provided if we can afford them. We must spend within our limit and not to reduce the country to a point of bankruptcy with the constant diminishing reserve of \$100 million before the Coalition Government came into the scene to almost nothing now. Kuching received constant repairs on a particular stretch of road while in the rural areas there are no roads at all, apart from the dusty Kuching-Sibu main Trunk Road, the new Miri-Bintulu Trunk Road and a few feeder roads branching from these two main roads. Most of the time these roads are either dusty or too slippery during the rainy seasons.

Recently, the Kuching-Serian road was improved at a cost of \$5 million, while a great number of feeder roads in other parts of Sarawak are not constructed. When we bring this imbalance to the attention of the Sarawak Coalition Government in Sarawak, we are accused of mounting similar sentiments as that of the subversives. When we speak of this in the Dewan, we are said to be wasting the Dewan's time. We are told also that the Sarawak Coalition Government is not afraid to spend. For that matter, who is afraid to spend, if the monies so spent do not belong to the persons who spend them?

Datuk James Wong Kim Min: Betul!

Tuan Edmund Langgu anak Saga: In this case, the money belongs to the rakyat and the taxpayers. However, Sir, the Honourable M.P.s and the State Assemblymen from the Sarawak National Party will continue to speak of problems that prevail in their respective areas in both this Dewan and the State Council Negri. We have to bring to the attention of the authorities, both State and Federal, their plights, their troubles, their woes and their worries. We hope that these problems can be solved for them irrespective of their political beliefs or racial origins. Whoever and wherever they may be, we will continue to speak of Sarawak problems. It is our duty as a loyal and responsible Opposition in this country to present the other side of the national coin.

Datuk James Wong Kim Min: Hear, hear!

Tuan Edmund Langgu anak Saga: During the past three years, ever since the Coalition Government in Sarawak had replaced the two Alliance State Governments in Sarawak, the SNAP party leaders have been accused of many things. In the name of national unity, Sir, we have been accused of being anti-national. This is because we believe in the concept of rendering unto the people of Sarawak what are rightly theirs and render unto all Malaysians which should be by right belong to all Malaysians. This has been agreed upon in the London Agreement, the basis for the formation of Malaysia in 1963. If anybody questions this, then he questions the very validity of the Federation of Malaysia.

Last March, we had been accused by the State Coalition Government in terms berbunyi lebih dahsyat lagi dari subversif; and six months later, Sir, in September this year, after the Operation Judas had been launched, the State Government had the unpleasant situation of knowing who is lebih dahsyat lagi dari subversif. In fact, we are very worried to learn that even the Alliance Grand Council had been infiltrated through one of its members. As for the present State Government of Sarawak, we have also expressed our views on this several times in the past and have often, in the terms used by the Honourable Member for Payang, wasted the time of this Dewan in trying to warn the Federal Government on this. Is it any wonder that the security situation in Sarawak is all the time under control only but never hope to completely eliminate the way things are now?

Meanwhile, Sir, our people continue to suffer in silence, hoping against the hope for the better. Many of them continue to farm as their forefathers did before them. Our fishermen still brave the landas in old boats and catch their fishes with old implements. Every year more and more of our children come out of schools and swell the ranks of jobless. These are the same people who ten years ago had been full of great hopes and high expectations hoping that independence would bring them future prosperity and a new lease of life. Their hopes and expectations were greatly dampened by events. The same hopes and expectations were revived with the

announcement of the New Economic Policy in 1971 and the seven-points formula of the Coalition Government in Sarawak. Three years have gone. Our people now believe that they are living in a world of hopes and expectations which are more an illusion to them. They hear of many promises, but see none fulfilled. They are told of much development but do not enjoy and instead of enjoying them, they have to pay very high prices for what they could get cheaply before. Now, they cannot even elect their own Ketuas or Chiefs and their own Councillors to the District Councils. They feel left out in all national efforts. To many Malaysians in Sarawak, Merdeka has become meaningless, too costly and too insecure. This is therefore the other side of the Malaysian coin, Sir, that I want the Federal Government to see and consider carefully.

I want the Federal Government to act now and change the scenes before it is too late for the sake of Malaysia and all Malaysians. We cannot afford at this very important cross-roads of our national efforts to be complacent with our own importance. We should not be lulled with a sense of well being by our high-sounding intentions. The important thing is to ensure that these intentions are successfully translated into economic, social and political realities for the benefits of the Malaysian rakyat. We have passed the first decade of Malaysia and it is now time that we should review and reflect the full and deepest meaning of independence and our economic success, while at the same time there is so much more to be done to make independence and our new economic policy more meaningful and more realistic for every Malaysian. This is because in the final analysis, the criterion for our Malaysian success and progress is the cost of living of the average citizen and the final judge is every Malaysian's pocket and every Malaysian's stomach.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan Pusat akan menimbang cadangan-cadangan saya itu yang mana saya harap dapat mengurangkan kesusahan rakyat di Sarawak dalam masa yang akan datang dan untuk membaiki taraf hidup mereka dan juga untuk keselamatan negara kita.

I, therefore, Sir, urge the Federal Government:

- (1) To introduce mechanised farming for both smallholding farms and for big scale farming in Sarawak, so that commodities like rice can be produced abundantly and cheaply and thus the people will not have to pay between \$3.40 to \$4.00 per gantang of rice in Sarawak now.
Another socio-economic indicator for assessing the quality of life is education. At present only 1.2% of those in the age group from 19-24 years have the opportunity to go for university education. This is too narrow a percentage and I call on the Government to increase its higher education expenditure so that every Malaysian who has qualifications and ability to pursue higher studies in Malaysia or abroad can be given the opportunity.

In the last few days, there has been a minor controversy in the University of Malaya over the intake of Malaysian students who had graduated from Ngee Ann College and other institutions into Diploma of Education courses. I call on the Minister of Education not to succumb to pressure but to take an enlightened approach permitting Malaysians from foreign institutions to be re-absorbed into the mainstream of Malaysian education and national development.

Health

Health is another socio-economic indicator of the quality of life. It is essential however, that despite the large amounts of money we are spending on health, the people should have confidence in the integrity and quality of the health service if the public outlay is not to go down the drain.

The Minister of Health said last week that a departmental inquiry was investigating into the causes for the unusual number of deaths during July 21-August 20 when the Malacca Hospital's autoclave broke down. I would like to point out here that the Minister of Health's statement following my disclosure of the autoclave deaths have greatly shaken public confidence in the entire integrity of the Malacca Hospital and the Ministry of Health. The Minister of Health was led by his subordinates to make untrue statements:

- (1) Thus the Minister said on August 24th that there were 12 deaths during the period in question, which he said was

not unusual, when in fact during the period in question, from July 21 to August 20 there were 110 deaths.

The average monthly mortality rate for the Malacca Hospital is 70 for the first six months of this year but for the period from July 21 to August 20, it was 110 which means that there were 40 more extra deaths than the average. Why did the Minister of Health say there were 12 and described it as "not unusual".

- (2) On August 24th, the Minister of Health said that when one autoclave in the Malacca Hospital was condemned on July 21, immediate action was taken by the hospital authorities to use the second autoclave available in the hospital. When the second autoclave started to break down on August 13, it was immediately stopped and arrangements were made for sterilised bottles and other medical materials to be supplied by the Seremban General Hospital.

In fact, the so-called first autoclave that was condemned on July 21 was to have been condemned in May this year by the Inspector of Machinery. The Malacca Hospital did not have a second autoclave as stated by the Minister of Health, but only a disinfectant unit to disinfect mattresses and such like materials. Thus for one month, this disinfectant unit meant for disinfecting mattresses and blankets was used to sterilise bottles and medical instruments leading to the contamination of bottles, saline, blood and the death of 110 persons during that thirty-day period.

What I want the Minister of Health to tell this House and the country is how, he as Minister of Health, could allow himself to be so misled as to give a completely false picture to the public. Furthermore, why is the Medical Superintendent, Puan Dr Wong May Yae, not suspended from her post so as not to influence the investigations?

Economic Prospects

Malaysia is enjoying a prosperous year as a result of the boom prices for all our exports, which were strongly stimulated by the exceptional growth in the industrialised economies, namely the United

States, Western Europe and Japan, which were all experiencing boom conditions at the same time.

Malaysian exports soared by 42% in 1973 over 1972, with rubber providing the lead with the record export performance with a jump of 73% in export earnings over 1972; timber exports were up by no less than 115%; tin prices also soared reaching their highest level ever.

The industrialised countries, however, have reached the crest of the present boom, and world-wide recession is expected to set in. Thus Japan, the fastest growing economy in the past decade and Malaysia's leading trading partner, may record zero real growth during 1974. Compounded by the growing energy crisis, production in the industrialised economies would be restrained further.

Malaysia cannot escape from the slower economic growth and continued high rates of inflation in the industrialised countries, as our exports and economy are at present very closely linked with theirs causing lower prices for our exports, lower incomes, greater unemployment, greater inflation and a No. 1 economic crisis. In such a situation, the poor would be the worse hit, for they would be caught between the pincers of falling incomes and rising prices.

I suggest that Malaysia should reduce her export dependence on Japan and the West. At present, two-thirds of our exports go to the United States, Europe, and Japan and only one-third to other destinations like the People's Republic of China, the U.S.S.R. and Eastern Europe.

In view of the impending world recession in the United States, Europe and Japan, Malaysia should redouble her efforts to diversify our export markets and reduce our over-dependence on the traditional markets by exporting more to the People's Republic of China, the U.S.S.R. and Eastern Europe.

A recent press statement from the Rubber Research Institute of Malaysia showed the possibilities in this field. The burden of this statement was that the ties between the technologists and scientist of China and R.R.I., started in August 1971 followed by a mutual exchange of visits, were paying off.

China purchased the largest amount of S.M.R. (8,700 tons) for the month of October, 1973, pushing the U.S.A., the erstwhile biggest importer of S.M.R. since the inception of the scheme in 1965, to second place. I suggest that Malaysia should launch a high-powered drive to sell more exports to China as part of our contingency plan to minimise the effects of the impending world recession on us. Of course, to be fully effective, full diplomatic relations should be established between Malaysia and the People's Republic of China.

A second proposal I commend to the Government is to set up a special task force to make Malaysia the world's largest producer and exporter of rubber-based products. It is indeed a sad commentary on Malaysia's economic management that although we are the world's leading producer of natural rubber, our manufactured rubber products still constitute only 3% of manufactured products. I do not see why with determination, imagination, verve and foresight, Malaysia cannot produce tyres, not just for our own internal market or for just limited neighbouring markets, but for the whole world.

Thirdly, Malaysia must concentrate, instead of import-substitution on export-substitution. By export-substitution, I mean the substitution of the existing exports of the raw materials by the exports of processed and semi-processed materials. Both in timber and palm oil, there are still great potentialities to be seized.

Malaysia is rightly proud that timber (both sawn logs and sawn timber) has overtaken tin as the second largest export earner contributing 22% to merchandise exports, as compared to 13% from tin. In fact, timber is expected to overtake rubber as the main pillar of Malaysian export. However, we are paying a very great price for this growth, a price we could have avoided if the Government leaders had greater foresight and political will in preventing indiscriminate logging, upsetting the ecology of the country, leading to perpetual great floods in the country. We are now in the midst of one and the sufferings of tens of thousands of flood victims must be laid on the conscience of the Alliance Government.

The Finance Minister has expressed concern in his 1974 Budget at the low recovery rate of timber, which is only 55% as compared with that of Japan's 100% and Pakistan's 80%. The Economic Report added and I quote:

"The low recovery needs further attention in order to strengthen the potential of this industry".

No concern for the need to prevent flooding making tens of thousands homeless every year from indiscriminate logging.

During the great floods of 1971, the Government formed a special committee under the Chairmanship of Tan Sri Ghazali Shafie and the people were told that there was a plan to make Malaysia flood-free. Now, the slightest rain can start a flood, either in the Federal Capital or in other parts of the country.

The problem has become even more intractable. I suggest that the Malaysian Government send a special team to China to learn from the Chinese Government the techniques of flood-control. The present floods are a national disaster. It was said that, as far as the Central Government is concerned, there is only national disaster when Kuala Lumpur is flooded. Let this not be repeated, and let a national emergency be declared, so that all manpower and material resources can go to the rescue and help of our flooded and homeless countrymen in Kelantan, Trengganu, Pahang, Perak, Kedah and Perlis. Let the Government spare no money to bring rivers under control and end the age-old plague of floods. The timber industry, which has made such fortunes from our national resources, should be specially levied to meet the costs of flood elimination in the country.

4.51 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu yang mana peranggaran belanjawan negara yang dibentuk adalah menuju ke arah pembangunan dan ekonomi untuk menjamin rakyat hidup mencapai taraf yang tinggi, yang mana dari punca itulah kelak wujudnya suasana yang baik lagi kukuh di dalam lapangan hidup rakyat.

Ini adalah satu langkah Kerajaan untuk membina masa depan rakyat dan tidak membebankan rakyat.

Peranggaran Belanjawan negara pada tahun 1974 ini patut diberi ucapan tahniah oleh seluruh rakyat yang mana Kerajaan bersungguh-sungguh memerangi inflasi dan kita mengharapkan belanjawan negara bagi tahun hadapan benar-benar dapat memberi kelegaan kepada golongan kecil, pengguna dan orang ramai dan juga menggalakkan peniaga-peniaga kecil dengan mengadakan kelepasan cukai dan menambahkan ramai rakyat bumiputra bergiat di bidang perniagaan. Belanjawan yang bertema "anti-inflasi" adalah satu perjuangan yang dikehendaki oleh seluruh rakyat di negara ini. Cukai baru dan cukai yang dihapuskan, juga cukai yang diturunkan memang tidak nampak akan memberatkan orang ramai. Bagi pihak orang ramai khususnya suri rumah-tangga tentulah berada lega sedikit dan berterima kasih kepada Kerajaan yang telah menghapuskan cukai impot ke atas barang-barang, sebahagian barang-barang makanan. Ini pada zahirnya adalah mengurangkan perbelanjaan harian kepada orang ramai.

Di dalam masalah ini, adalah menjadi tanda soal kepada orang ramai adakah barang-barang yang sudah naik dapat diturunkan sedangkan barang-barang ini memerlukan pengangkutan yang mana harga minyak telah dinaikkan kerana apa yang berlaku di negara kita kalau sudah barang naik akan berkaitan ke semuanya. Ini telah menjadi kebiasaan kepada peniaga-peniaga yang mencari kesempatan berkehendakkan keuntungan. Kita mengharapkan kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian berat di dalam masalah ini supaya hasrat Kerajaan untuk menolong rakyat dapat dibuktikan dengan bersungguh-sungguh.

Kerajaan telah mengenakan duti eksport bagi beberapa jenis barang-barang termasuk barang-barang makanan dengan tujuan memenuhi keperluan tempatan. Hasrat Kerajaan memanglah membanggakan rakyat kiranya langkah ini dapat dijayakan. Tetapi apa yang mendukacitakan bila kita tinjau di sepanjang Pantai Selat Teberau bukan sahaja penyeludupan membawa masuk barang-barang daripada negeri seberang bagi melarikan cukai tetapi terdapat pula barang-barang dalam negeri kita seperti beras, daging,

bahan-bahan mentah dan barang-barang makanan dibawa ke negeri seberang dengan melalui Pantai Selat Teberau untuk mendapatkan harga yang mahal dan mencari keuntungan yang lebih. Perbuatan serupa ini jika didiamkan adalah mengecewakan rakyat tempatan untuk mendapatkan makanan-makanan yang baik dan murah dan perbuatan serupa ini telah melibatkan barang-barang makanan makin hari makin bertambah mahal. Tindakan Kerajaan mengenakan duti eksport tidak ada ertinya jika perbuatan yang serupa ini terus berlaku. Barang-barang dalam negeri kita telah lepas keluar dengan tidak payah dikenakan cukai. Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya menambahkan kawalan yang lebih erat lagi di seluruh kawasan Selat Teberau sebagai mengawasi perkara-perkara yang berlaku bagi kepentingan rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah penjualan tanah Kerajaan telah mengumumkan cukai baru di atas tanah yang berharga \$200,000 ke atas dikenakan sebanyak 50%. Langkah ini adalah bijak kerana dengan melalui cukai ini akan dapat mencegah perbuatan yang mengakibatkan harga tanah naik melambung dan bertujuan untuk menahan bumiputra tidak menjualkan tanah mereka kepada para saudagar-saudagar dan juga rakyat yang bukan bumiputra yang akibatnya tiada tanah yang dimiliki oleh bumiputra di bandar dan bumiputra akan berhijrah ke desa yang bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru yang menggalakkan bumiputra berhijrah ke kota. Sebaliknya, adakah cukai baru ini benar-benar dapat mencegah perkara yang sedang berlaku hari ini sedangkan cukai baru hanya melibatkan penjualan \$200,000 ke atas, penjualan yang di bawah lingkungan tersebut tidak termasuk. Sekiranya Kerajaan tidak mengadakan satu undang-undang supaya membolehkan rakyat yang bukan bumiputra memiliki tanah dan rumah di Malaysia ini sebagaimana yang telah dilakukan oleh Kerajaan Singapura yang telah melarang rakyat luar memiliki tanah di negaranya. Sekiranya pihak Kerajaan tidak mengadakan satu kuatkuasa untuk mencegah bumiputra menjualkan harta-harta kepada rakyat yang bukan bumiputra dibimbangkan satu masa nanti ramai rakyat bumiputra tidak mempunyai

rumah dan tanah kerana rumah-rumah dan tanah mereka telah dijual kepada rakyat yang bukan bumiputra yang sedang berlaku pada hari ini khasnya di Negeri Johor.

Pada mulanya penjual-penjual ini tidak berhajat untuk menjualkan harta-hartanya kepada sipembeli, tetapi oleh sebab pembeli telah menawarkan harga yang mahal dan memandangkan keuntungan yang diperolehi berlipatganda daripada harga yang asal mereka telah menjualkan dengan tidak memikirkan masaalah kesulitan baginya untuk mencari ganti. Perkara serupa ini Kerajaan hendaklah mengambil perhatian yang berat kerana dibimbangkan di satu masa rakyat bumiputra bukan sahaja tidak mempunyai tanah di bandar bahkan di desa juga. Akhirnya berlakulah tentangan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan di negara kita ini.

Di dalam perancangan belanjawan negara Yang Berhormat Menteri Kewangan juga telah mengumumkan cukai pendapatan para isteri yang berpendapatan \$5,000 setahun akan dilepaskan cukai pendapatan sebanyak 10% mulai tahun hadapan. Kadar 10% pihak kami masih rendah dan tidak memenuhi tuntutan kaum wanita sepenuhnya, tetapi kami adalah mensifatkan pelepasan cukai ini adalah sebagai tanda permulaan kepada perjuangan kaum wanita untuk mendapatkan cukai berasingan, walaubagaimanapun bagi pihak kaum wanita berasa gembira dan berterima kasih kepada Kerajaan kerana tuntutan kami telah dipertimbangkan walaupun tidak dengan sepenuhnya. Dan kita berharap satu masa bila kedudukan ekonomi negara bertambah teguh tuntutan kaum wanita ini dapat dipertimbangkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kaum wanita sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan atas pindaan Rang Undang-undang yang telah dibuat kepada Kanun Acara Jenayah untuk membolehkan orang-orang perempuan dilantik menjadi ahli juri dan pengapit hakim.

Pindaan ini memang sudah lama ditunggu-tunggu di negara kita ini. Wanita kita telah pun mencapai banyak kemajuan di dalam segala lapangan khususnya di bidang perundangan; hari ini ada beberapa wanita telah menjadi Peguambela, Pengadil dan Yang di-Pertua Mahkamah. Malahan wanita sudah pun pernah dilantik menjadi penasihat Mahkamah Budak-budak. Dengan demikian,

pengecualian wanita daripada menjadi seorang Juri atau Pengapit Hakim tidaklah sesuai lagi. Memandang taraf wanita negara kita ini di masa sekarang, maka dengan kelulusan Akta ini bolehlah dianggap sebagai satu lagi kejayaan bagi pihak wanita. Maka dengan itu, saya bagi pihak wanita seluruh negara mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan memberi sepenuh sokongan di atas pindaan Undang-undang Kanun Acara Jenayah ini.

Akhirnya sekali, sebagaimana yang kita telah maklum bahawa baru-baru ini Kerajaan telah menimbangkan orang-orang yang telah bersara dan telah membayar sara hidup penuh daripada 1hb Januari, 1973. Di samping memberikan pencen penuh, saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat mengecualikan daripada cukai pendapatan kepada orang-orang yang bersara ini bila kita memandangkan kenaikan harga barang-barang keperluan hari-hari telah melambung-lambung tinggi. Orang-orang yang bersara ini kebanyakannya adalah terdiri daripada orang-orang yang telah berumur lebih daripada 50 tahun. Pada zahirnya tentulah mereka ini tidak lama merasa kemewahan dan kesenangan hidup, maka saya menaruh keyakinan pihak Kerajaan tidak menjadi keberatan untuk menimbangkan bagi pihak orang yang bersara ini supaya dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya, maka dengan ini saya memberikan sepenuh-penuh sokongan kepada Rang Undang-undang Belanjawan, 1974.

5.03 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan, 1974.

Saya telah mendengar ucapan-ucapan daripada pihak-pihak Pembangkang di mana pihak-pihak Pembangkang selalu menyatakan tidak puashatinya di atas itu dan ini.

Memanglah pihak Pembangkang kerjanya untuk menegur, tetapi kepada saya apa yang dilafaskan oleh Yang Berhormat Menteri

Kewangan, saya fikir rakyat Malaysia sebagaimana yang disebut di dalam akhbar telah menyatakan bagaimana gembiranya.

Cukai Tanah

Kedua, berkenaan dengan tanah, cukai tanah dan sebagainya. Ini memang patut dikenakan kepada orang-orang yang cuba menjual dan mendapat keuntungan yang berlebihan. Saya suka memberikan sokongan yang sepełuh-penuhnya atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali yang saya fikir ialah orang-orang terutama sekali yang duduk dalam luar bandar, yang mana saya telah mendengar rungutan-rungutan daripada, terutama sekali orang-orang kita bumiputra, iaitu mereka telah muak dan jemu mendengarkan kemakmuran akan sampai bahawa bumiputra samada di kampung ataupun di pekan-pekan akan mengambil bahagian di dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Di dalam rancangan, Kerajaan ada menyatakan iaitu Rural Development Scheme akan dijalankan di luar-luar bandar. Memang banyak Kerajaan telah jalankan, memang patut dipuji kepada Kerajaan yang telah menjalakan kewajibannya sebagai sebuah Kerajaan. Tetapi yang saya pandang rakyat yang duduk di kampung-kampung terdiri daripada rakyat-rakyat miskin yang mempunyai dua tiga ekar tanah yang mereka tidak dapat pergi pindah-randah masuk ke FELDA dan tempat lain, kerana rancangan FELDA ini tersekat, setahun, 3,000-5,000 orang yang boleh pindah ke FELDA, baik di Pahang atau di Johor Tenggara yang lain terpaksa duduk di kampung yang mana mereka mempunyai dua atau tiga ekar tanah.

Pasaran

16 tahun lamanya, hasil-hasil kampung yang digalakkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang digalakkan oleh Wakil-wakil Rakyat, yang digalakkan oleh ketua-ketua kampung, yang digalakkan oleh segala pemimpin suruh bercucuk tanam. Orang Melayu tidak maju. Apa sebab tidak maju? Orang Melayu tidak mahu bercucuk-tanam. Apa sebab tidak maju? Orang Melayu tidak mahu berusaha. Apa sebab orang Melayu tidak maju? Orang Melayu ini tidak dapat bekerja macam orang lain. Inilah yang kita dengar setiap hari. Tetapi selama hari ini apa yang Kerajaan telah buat terhadap pasaran mereka. Pasaran yang akan menampung

apa yang dikeluarkan oleh rakyat-rakyat kampung. Apa yang Kerajaan telah menampung untuk ikan-ikan, udang dan sebagainya daripada nelayan-nelayan kita. Dengan sebab itu, rakyat terutama sekali bumiputra naik muak. Ada pertumbuhan-pertumbuhan yang dikatakan Pertubuhan Peladang, MAJU-IKAN dan ada yang dikatakan bermacam-macam, saya pun tidak dapat hendak sebutkannya. Ada Rang Undang-undang yang baru diluluskan, dan Rang Undang-undang yang dahulu diluluskan. Semuanya untuk kebaikan peladang-peladang, kaum-kaum tani dan sebagainya, tetapi yang saya tengok iaitu orang kampung meleset juga, tanaman-tanamannya begitu juga tidak dapat dijual. Orang-orang tengah hidup mewah, terus-menerus hidup mewah. Pandangan orang kampung iaitu adakah Kerajaan menggalakkan orang-orang tengah ini? Saya dengar baru-baru ini bahawa Kerajaan akan mengeluarkan lesen-lesen kepada siapa sahaja yang hendak menjual kelapa, getah juga akan dikeluarkan lesennya supaya orang-orang ini sahaja boleh membeli kelapa, dan boleh membeli kopi. Sampai hari ini tidak ada juga lesen-lesen ini dikeluarkan. Jikalau sekiranya tidak ada pasaran, tempat orang-orang ini menjual, walau apa ditanam pun akan busuk sahaja. Dengan sebab itu saya cadangkan sungguhpun barangkali pengalaman saya tidak banyak tetapi ini adalah pandangan saya, iaitu jikalau betul-betul hendak dijalankan memang boleh di jalankan untuk mengatasi perkara ini, sebabnya sepuluh dua belas tahun lamanya kita menghadapi pegganas kominis, kalau tidak ada orang kampung kita ini, saya fikir sudah lama negeri ini ditakluk oleh kominis. Orang kampung kita inilah yang berjuang. Orang kampung kita inilah yang mempertahankan dari ancaman kominis-kominis ini. Kita mengaku Kerajaan beri mereka letrik, air paip, jalanraya, sekolah dan sebagainya, tetapi penghidupan mereka ini tidak dapat dipertimbangkan, sebab hasil pengeluarannya tidak ada pasaran. Jadi, mereka akan tinggal begitu juga.

Jadi, saya mencadangkan di sini, tak usah lewat-lewat lagi. Tiap-tiap daerah mesti diadakan pasar. Kerajaan tubuhkan pasar supaya rakyat boleh angkut apa sahaja di pasar itu, seperti ubi, timun dihantar ke sana dan ditimbang. Orang Kerajaan ada di situ, beri satu resit. Beberapa banyak dibawa misalnya di Kuala Lumpur ada suatu

pasar besar, dilonggokkan dan dilelong seperti mana yang dibuat oleh negeri-negeri yang maju. Di sana dilelong dan siapa yang tinggi sekali, barulah dijual kepada pasar-pasar besar. Jikalau tak dibuat begini sentiasa terus-menerus begini keadaannya walau apa pun rural development yang dijalankan.

Nelayan

Begitu juga kaum nelayan. Kaum nelayan kita, saya telah beberapa kali menyatakan bahawa kaum nelayan kita barangkali 2% sahaja hidup di tepi laut. Kehidupannya: kayu, ulat-ulat dicucukkan di tepi laut, di tepi sungai, atapnya atap beretam, atap nipah, bocor dan sebagainya. Barangkali yang kita bela sampai hari ini cuma 2% sahaja. Saya tahu di Kedah ada dibela sedikit, dan selain daripada itu barangkali di Trengganu, ada sedikit sebanyak, saya pun tak tahu. Saya percaya cuma 2% daripada beberapa banyak kaum nelayan kita yang dibela. Begitu banyak tanah di tepi laut tetapi mereka tak dapat. Saya harap Kerajaan dapat membela kaum-kaum nelayan bukan sahaja memberi mereka modal untuk membeli bot-bot besar, tetapi rumah-rumah mereka mesti juga dibela oleh Kerajaan dan juga segala tangkapan-tangkapan mereka seperti udang, ikan, ketam dan sebagainya mestilah Kerajaan memasarkan supaya orang tengah tak dapat menghisap selama-lamanya. Sebab itulah bumiputra juga digalakkan dalam dunia perniagaan. Kalau ditanya, Tuan Yang di-Pertua, ada sahaja jawabnya: betul itu dan betul ini. Tetapi jikalau ditanyakan kepada bumiputra yang sebenarnya yang ada sekarang berniaga, saya tak tahulah kalau bumiputra telah menjadi pengurus-pengurus, direktur-direktur yang diletakkan jadi pak tonggok di sana, itu saya tak tahu. Jikalau ditanya kepada peniaga-peniaga Melayu yang betul-betul berdiri di atas kakinya berniaga, jarang sekali. Susah sekali mendapatkan facilities dan ada competition. Competition ini bukan sahaja competition di antara orang lain, tetapi competition di antara PERNAS, UDA, dan State Economic Development Corporation. Misalnya, bumiputra masuk jadi construction company, UDA pun ada construction company, PERNAS pun ada construction company.

Orang Melayu jadi importer, PERNAS pun masuk jadi importer. Kalau PERNAS yang besar tak menjadi apa, tak apa, kalau PERNAS hendak menewaskan orang putih, orang Inggeris, Amerika dan sebagainya tak apalah, kerana mereka telah memerintah kita begitu. Itu tak menjadi hal. Bumiputra suka. Tetapi bila bumiputra hendak berniaga, ketat selama-lamanya—tak dapat. Oleh kerana dengan adanya competition daripada perbadanan-perbadanan ini, maka Kerajaan terpaksa menyiasat atas perkara ini.

Misalnya, ada sebuah kilang gelas di Sungai Buloh. Ada orang-orang Melayu minta menjadi agen. Jepun atau orang putih yang mempunyai kilang itu tidak akan memberi kepada orang Melayu perseorangan, tetapi akan memberi kepada State Economic Development Corporation. Jadi State Economic Development Corporation ini akan menjalankan perniagaan, bagaimana bumiputra yang lain? Tetapi orang lain, 40 agen-agen diberi kepada negeri Selangor sahaja dan lain-lain tempat dan beberapa persen yang diberi. Misalnya, agen tayar yang mengeluarkan 100% tayar, adakah bumiputra ini dapat 30%? Tak akan dapat. Kerajaan mesti siasat di atas perkara ini. Ini adalah terang, misalnya saya katakan, satu sahaja diberi kepada State Economic Development Corporation di negeri Selangor, kepada orang lain 40 jadi agen. Orang-orang Melayu yang digalakkan untuk masuk dalam perniagaan dan perusahaan memikirkan galakkan begini, buat begini, competition begitu sama-sama sendiri. Lain daripada yang di luar, yang gergasi (giant) daripada firm orang putih, Jepun dan firm yang lain-lain. Bila difikirkan, susah juga, melainkan seperti yang dikatakan dahulu jadi "Ali-Baba" bumiputra dilantik oleh Jepun, orang putih, Australia, jadi pak tonggok sahajalah selama-lamanya. Di sini boleh jadi kita orang Melayu itu sahaja boleh jadi, tak boleh maju. Yang dikatakan dalam 20 tahun yang akan datang itu, kalau betul-betul siapa hendak mendapat saham. Jikalau orang Melayu tidak ada duit, Bumiputra di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia kalau tidak ada berniaga dari sekarang macam mana hendak membeli saham-saham ini, yang dipunyai oleh MARA, PERNAS dan UDA, sebab mereka tak ada duit, mereka tak berniaga.

Mereka ini yang akan membeli saham, tetapi dia tak dapat berniaga oleh kerana tertindas.

Saya fikir tentulah Menteri akan memberi penerangan kepada saya dan rakyat yang lain berasa was-was sedikit, tetapi percaya jugalah bagaimana Kerajaan dapat menolong bumiputra dalam dunia perniagaan dan perusahaan dan bagaimana di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang untuk mengadakah lebih kurang 30% iktisad negeri ini dipegang oleh bumiputra. Satu daripadanya yang saya nampak \$800 juta, satu Housing Development Scheme dekat Subang Jaya, dua buah company iaitu UMBC dan juga satu lagi daripada Hong Kong. Modalnya \$800 juta sekali gus. Dahulu 1.5% iktisad dipegang oleh bumiputra. Apabila modal \$800 juta masuk ke dalam, bumiputra jatuh \$.05%.

Saya merasa hairan bagaimanalah gayanya orang kita ini. Jadi bukanlah kerana apa-apa kalau difikirkan sendiri, saya ingat baiklah menjadi apa juga, tak bising sangat. Tetapi oleh kerana difikirkan kepada bumiputra, mereka sudah senang sangat, orang lain fikirkan sudah ada Bank Bumiputra, senang sahaja dapat duit. Apalah susahnya orang Melayu dan bumiputra yang lain, sebab adanya Bank Bumiputra, beberapa banyak duit boleh dapat. Kalau difikirkan cubalah tengok Bank Bumiputra ini, siapa yang direktur dalamnya itupun tahulah. Berapa banyak duit yang dipinjam oleh bangsa asing, berapa banyak yang dipinjam oleh orang Melayu. Cuba tengok baik-baik. Lebih banyak wang yang dipinjam oleh bangsa asing sungguhpun bank bumiputra tetapi atas kepala kita juga yang dilonggok oleh bangsa asing mengatakan kita sudah mengambil duit banyak.

Ini hanyalah rungutan, bukan apa-apa, rungutan daripada bumiputra yang ada di kampung ataupun yang hendak menjadi kononnya kapitalis kecil ataupun besar pada masa yang akan datang yang digalakkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun kita dengar daripada parti-parti lawan, Parti Pembangkang mengatakan sekarang orang Melayu hendak maju sedikit, maju sedikit bukan banyak cuma .5%. Pembangkang sudah bimbang, riuh, bising dan seolah-olah goncang dunia ini. Pertamanya kita tengok, kita dapat tahu, inikah cara mereka hendak menolong orang bumiputra? Kerajaan

hendak menolong bumiputra, yang saya tahu di dalam Buku Merah, yang saya tengok mengikut progress reportnya nampaklah orang Melayu yang miskin sekali, pekerja-pekerja Melayu hanya bertambah 6% sahaja. Ditanyanya apa fasal ini? Sebenarnya orang Melayu di kampung pada hari ini satu hari satu kali sahaja mereka makan kerana tak ada kerja. Tentang perkara itu orang bangsa lain tak tahu, asyik menyangka orang Melayu sudah kaya, orang Melayu sudah senang-lenang belaka. Kenyataan ini mesti diberitahu kepada orang bukan Melayu bahawa orang Melayu bukan senang-lenang, tetapi susah di negerinya sendiri sekarang ini.

Scholarship

Berkenaan dengan scholarship bangsa lain bising juga, mereka mengatakan sudah bertambah banyak bilangan scholarship bagi anak-anak Melayu. Tetapi di sini saya hendak meminta kepada Menteri Pelajaran, pada tahun hadapan kalau scholarship itu telah diberi oleh Kerajaan Negeri tolonglah pihak Kementerian Pelajaran dan juga Universiti Malaya atau universiti lain ambil sahaja anak-anak bumiputra iaitu budak-budak yang didapati pandai dan cukup syarat pelajarannya, janganlah ditolak sehingga beratus-ratus orang seperti yang telah lalu, sebab di antara State dan Federal Government serta pihak Universiti tak ada perhubungan yang rapat.

Pada tahun 1974 kelak janganlah terjadi sebagaimana penolakan dalam tahun 1973 ini, banyak anak-anak Melayu yang mempunyai otak yang baik tak dapat masuk ke universiti, ini cukup merugikan. Oleh itu, pada masa akan datang patutlah diberi lebih banyak lagi scholarship daripada Federal, State ataupun apa sahaja biasiswa kepada anak-anak bumiputra, sebab kalau anak-anak bumiputra itu tak diberi biasiswa takkan menempuh masuk universiti, sebab mereka miskin. Sungguhpun ada beberapa orang yang mampu, tetapi anak-anak bumiputra kebanyakannya miskin, dia tak mampu belajar, kecuali mendapat biasiswa dari universiti dalam negeri ataupun luar negeri dan pedulikan orang lain bising oleh kerana kalau kosong otak anak-anak Melayu, bangsa Melayu akan kosong hidupnya, dia cuma boleh menjadi derebar, watchman dan peon sahaja. Jadi kalau kita hendak melihat

Melayu menjadi peon selama-lamanya, menjadi hamba sahaja selama-lamanya, lebih baik lekas mati daripada menjadi hamba, atau peon selama-lamanya dalam negeri yang makmur ini.

Tabung Haji

Berkenaan dengan Tabung Haji, kita memang berterima kasih dengan adanya ditubuhkan Kementerian yang bertanggungjawab berkenaan dengan Tabung Haji, tetapi satu perkara yang menyedihkan pada tahun yang lalu bahawa kapal-kapal haji yang digunakan yang sudah rosak akhirnya hanyut berhenti-henti. Tetapi tahun ini pula kapal-terbang membawa bakal-bakal haji itu asyik-asyik pospon sahaja. Orang-orang yang datang daripada Trengganu, Kelantan dan yang jauh-jauh terpaksa kebanyakannya tidur di airport menantikan kapal-terbang. Perkara ini saya dengar, kalau tidak ada angin bertiup tentulah pokok tidak bergoyang, bahawa dalam Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu ada perbalahan antara mereka yang berkehendakkan kapal-terbang ini, kapal-terbang itu tak baik dan sebagainya. Dalam perkara ini, saya hendak mendapat tahu daripada Menteri yang bertanggungjawab betulkah perkara tersebut berlaku? Dan supaya pada masa akan datang orang-orang yang hendak pergi menunaikan haji tidak akan tergendala sebab kapal-terbang selalu pospon sahaja.

Pollution

Berkenaan dengan pollution, di sini belum lagi begitu buruk keadaannya, tetapi di Rawang saya sudah pernah bercakap dalam perkara ini. Saya sekali lagi bercakap mengenainya oleh kerana orang-orang di situ sudah tak boleh tahan disebabkan daun-daun kayu, daun getah dan daun-daun lain itu sudah jadi simen, beratus-ratus ekar tanaman telah menjadi simen dan pokok-pokok getahnya tak boleh keluar susu lagi. Saya minta Menteri yang bertanggungjawab di atas perkara ini menyasat kalau sekiranya betul bahawa pihak Kilang Simen di Rawang ini bertanggungjawab, dia mestilah dikenakan membayar ganti rugi.

Keduanya, diminta Menteri yang bertanggungjawab memikirkan akibat orang-orang yang tinggal di situ tentulah habuk-habuk simen itu banyak dihisapnya setiap hari oleh kerana adanya kilang simen itu, maka barangkali jantung (lung) mereka

sudah masuk simen dan sudah beku, maka mestilah semua orang di situ dengan perbelanjaan Syarikat Simen itu di X-ray dengan percuma, sebagaimana kejadian yang berlaku di Negeri Jepun akibat Manimata Disease oleh kerana akibat faktori mercury yang menyebabkan tulang-tulang orang Jepun patah-patah, dan tak ada ubat. Maka begitu juga kilang simen di Rawang mestilah membayar ganti rugi kepada nyawa manusia dan lain-lain kerugian rakyat di sana.

Rancangan FELDA

Berkenaan dengan FELDA di bawah Kementerian Kemajuan Tanah, banyak lagi yang tinggal yang telah ditemuduga dan didapati beribu-ribu lagi yang belum dapat memasuki rancangan. Saya harap dengan seberapa segera mereka dapat dimasukkan ke rancangan-rancangan berkenaan.

Askar Wataniah (Territorial Army)

Berkenaan dengan Askar Wataniah (Territorial Army) yang telah mengorbankan diri mereka untuk tanahair kita dengan banyaknya mereka itu yang telah pergi ke Sabah dan tempat-tempat lain untuk mempertahankan negara kita daripada ancaman komunis, maka ada pengaduan kepada saya iaitu dalam mereka menjalankan kewajipan seorang askar telah jatuh, luka dan didapati telah lumpuh badannya. Tetapi Kerajaan Selangor ini tidak mengambil tindakan apa-apa pun, tidak diambil peduli oleh Kerajaan. Dengan sebab itu, perkara ini mestilah disiasat, sebab Askar Wataniah juga adalah menjalankan tugas sebagai seorang Askar dan telah memperjuangkan keselamatan negara kita ini, maka mereka juga mestilah diberi layanan yang sewajarnya.

Minyak (Petroleum)

Berkenaan dengan minyak (petroleum), nasib baik kita tidak mengekor macam mana dasar Amerika terhadap Yahudi ataupun terhadap Arab. Saya memang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana berucap menyebelah kepada Arab, menentang Yahudi kerana Yahudi adalah merampas hak orang-orang Arab, merampas bumi negeri Arab dan mencero boh negeri Arab. Dengan sebab itu, kita tidak mengekor dasar luar Amerika, di mana Amerika menyatakan bantuannya kepada Yahudi adalah untuk membaikkan keamanan dunia; untuk fair play dan sebagainya. Tetapi

nampak dengan terang dan nyata Amerika bukan bertindak untuk fair play mengenai negeri Arab yang telah dirampas oleh Yahudi dengan kekuatan senjata daripada Amerika untuk membunuh orang-orang Arab, untuk merampas negeri Arab. Nampaknya orang-orang Amerika dari belakang telah memberikan senjata yang lebih banyak kepada Yahudi dan kalau tidak dengan bantuan Amerika, saya ingat Yahudi tidak berani langsung, tak usahkan melangkah ke kawasan Arab pun tak berani, tetapi oleh kerana galakan Amerika, maka Yahudi merasa bongkak dan sombong terhadap orang-orang Arab. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada negara kita ini yang telah menyebelahi orang-orang Arab. Dengan sebab itu, kita nasib baik dapat petroleum atau minyak dari negeri-negeri Arab. Jikalau minyak ini dipotong oleh negeri Arab tentulah sekali kilang-kilang kita tidak berjalan, motokar-motokar kita tidak berjalan, bas-bas kita tidak berjalan, segala-galanya lumpuh seperti negeri Jepun dan negeri-negeri yang anti-Arab ataupun tidak mahu menyokong Arab ataupun mengekor dasar Amerika.

Pertahanan

Selain daripada itu, berkenaan dengan pertahanan negeri kita ini. Kita telah mendapat tahu banyak tank Yahudi menyerang Arab, dan pada hari ini Arab telah mempunyai roket-roket kecil, seorang askar boleh menggunakan roket ini memecahkan tank Yahudi. Kita juga mestilah membeli senjata-senjata baharu ini yang boleh menembak tank, bukan hendak tembak sesiapa, cuma kita siap-sedia sahaja, sebab jiranjiran kita ini ada tank juga. Kita bukan hendak berperang, tetapi hanya untuk self-defence, jadi peganglah roket-roket kecil ini.

Jalan

Sekarang saya hendak bercakap berkenaan dengan jalan. Saya tengok jalan kita terutama sekali daripada Kuala Lumpur ke Port Kelang hari ini hendak dilebarkan. Daripada Kuala Lumpur ke Petaling Jaya dibuat 8 jalan—4 di sini dan 4 di sana, daripada EPF, Petaling Jaya itu sampai ke Kelang ataupun Port Kelang 6 jalan. Orang yang bertanggungjawab di atas perkara ini mestilah memandang jauh ke hadapan bukan memandang dua tiga, lima tahun iaitu Kuala Lumpur akan jadi pusat negeri kita Malaysia. Penduduk Kuala Lumpur bukan setakat

600,000 orang sahaja, pada masa yang akan datang penduduk Kuala Lumpur akan menjadi dua juta atau 4 juta orang dan Kuala Lumpur akan menjadi besar—spread ke sana ke sini. Jalan yang dibuat 4 jalan tidak besar, kalau hendak buat 4 jalan juga mestilah ada road reservenya lebar, jadikan 8 road reservenya.

Saya lihat di waktu Commonwealth Parliamentary Conference di Malawi, Blantyre adalah pekan yang besar. Ada satu pekan yang baharu yang menjadi capitalnya iaitu Lilongwe. Sungguhpun orang-orang hitam dikatakan tidak pandai, tetapi mereka lebih pandai daripada kita tentang pandangannya pada hari akan datang. Sungguhpun jalan itu dibuatnya 4 baris, tetapi ada reserve 8. Mereka memikirkan Lilongwe ini pada hari akan datang akan menjadi pusat yang besar walaupun pada hari ini cuma 5,000 atau 10,000 orang sahaja, tetapi pada masa akan datang akan menjadi 5 juta orang di Lilongwe. Maka disiapkan jalan itu lebar betul supaya tidak payah tanam cable, korek cable, tanam paip dan sebagainya. Kita nampak di tepi jalan kita hari ini korek, esok timbus, timbus—korek—inilah yang kita lihat tiap-tiap hari terjadi. Dengan sebab itu kalau reserve yang besar, maka perkara ini tentu tidak akan terjadi pada masa yang akan datang. Kalau ada rancangan-rancangan kita hendak buat jalan daripada Seremban ke Kuala Lumpur ataupun ke Selatan, kita mesti fikirkan di atas perkara ini. Saya dengar jalan baharu yang kita akan buat ke Seremban ini road reservenya 4 jalan. Itu difikirkan sudah besar. Tetapi kita mesti fikirkan Bangi akan jadi bandar, Universiti Kebangsaan akan didirikan dan pekan itu penduduknya lebih kurang 200,000 orang. Di antara Seremban/Bangi pula berapa banyak pekan ataupun perumahan-perumahan akan didirikan. Ini juga mesti difikirkan tentang perjalanan trafiknya. Saya sebagai layman cuma memberi nasihat sahaja muga-muga dapat difikirkan.

Berkenaan dengan jalan ini kalau kita reserve begitu, tidak menjadi kerugian—kalau ada rancangan ini tidak menjadi kerugian. Hari inipun kita boleh lihat PERNAS Construction dengan Sambo Construction ada joint-venture untuk buat jalan. Di tepi jalan itu ada satu tangki air yang besar, saya tidak tahu siapa punya, J.K.R. kah ataupun Universiti Hospital, Petaling Jaya baharu

sahaja dibuat setahun yang lalu. Sambo/PERNAS Construction memecahkan tangki air yang dibuat ke atas bukit itu yang memakan belanja \$100 juta. Jadi hendak buat jalan di atas tangki itu. Itulah sebabnya saya katakan tadi berapa banyak rugi jadi siapa yang bertanggungjawab. Rakyat yang lalu di sana tentu berkata mengapa tangki air ini dipecahkan? Kalau tak percaya boleh pergi lihat sekarang ini. Dengan sebab itulah saya bawa perkara ini ke mari supaya jangan kejadian ini berlaku lagi, kalau berlaku lain kali orang akan berkata bagaimana Kerajaan Perikatan memerintah.

Nenas

Selain daripada itu berkenaan nenas di Kelang banyak nenas ditanam oleh bumiputra. Nenas di Kelang ini sudah tidak boleh laku lagi. Nenas ini saya tidak tahu bagaimana akan dilakukan, boleh jadi nenas ini akan diangkutkah ke Johor. Jikalau nenas ini yang ditanam oleh bumiputra di mana orang akan menjualnya sebab kilang di Kelang itu sudah tutup. Perkara ini adalah penting dan saya harap FAMA sekarang siap sedia untuk membeli nenas daripada bumiputra ini.

Gaji Buruh

Selain daripada itu, saya adalah menyokong berkenaan dengan gaji buruh. Oleh kerana gaji buruh atau gaji-gaji pegawai telah dinaikkan, maka gaji buruh ini patutlah kita tengok bukan gajinya, tetapi kita tengokkan cost of living. Elaun Khas yang Kerajaan beri \$20-\$30 pada tiap-tiap pekerja, maka di private sector juga mestilah Kementerian Buruh mengambil berat kerana sekarang barang-barang telah naik, maka dengan sebab itu mestilah ditambahkan Colanya.

Operation Service

Berkenaan dengan operation service, dahulu polis ada operation service. Ini memang baik. Polis mesti bekerjasama dengan rakyat baharulah kita dapat keamanan dalam negeri kita ini. Di sini saya minta operation service ini di jalankan oleh polis dengan sebenar-benarnya. Saya sebagai Wakil Rakyat, baru-baru ini ada seorang kanak-kanak mati lemas oleh kerana air bah. Kanak-kanak ini berumur tiga tahun. Sebagai Wakil Rakyat bila orang datang jumpa dengan saya minta supaya

tidak usah dibelah budak ini, dia orang Islam. Jadi kita sebagai Wakil Rakyat tulislah kepada polis meminta jangan dibelah, sebab budak itu mati lemas. Sungguhpun tidak ada orang nampak, dia mati tenggelam tetapi dia duduk di tepi sungai besar. Kalau polis mengatakan tidak boleh, saya tidak boleh buat apa-apa. Apa yang saya dukacita ialah polis mengatakan peduli apa Wakil Rakyat, Polis ada kuasa. Jadi perkara begini tidak boleh jadi, sebab polis dengan Wakil Rakyat ataupun orang biasa mestilah bekerjasama.

Talipon

Berkenaan Kementerian Perhubungan, saya hendak bercakap Jabatan Talikom. Talipon ini selalu sahaja rosak, barangkali orang yang ada talipon tahu dua tiga hari rosak, bagaimana talipon ini boleh rosak, barangkali cablenya tidak betul ataupun masuk air selalu, itu saya tidak tahu. Jabatan Talikom atau Kementerian mengambil berat supaya jangan selalu sahaja rusak. Apabila kita bercakap ada orang lain pula bercakap. Orang itu marah kita, kita pun marah dengannya. Kita kata mengapa awak ganggu, dia pun kata mengapa awak ganggu. Jadi selalu bergaduh oleh kerana talipon rusak. Oleh itu, saya mintalah Jabatan Talikom mengambil berat di atas perkara ini.

Inflation

Berkenaan dengan inflation apa yang dikatakan oleh pihak Pembangkang tadi, malam tadi saya dengar radio B.B.C., inflation di England juga menjadi-jadi. Sekarang siapa yang boleh menahan inflation? Saya ingat pihak Pembangkang pun tidak boleh. Saya percaya, tanyalah pihak Pembangkang, macam mana hendak menahan inflasi? Tidak dapat. Tidak usah jual minyak kelapa ke luar negeri, kita sahaja menjual sesama kita. Banyak mana yang kita termakan dan kita mesti jual minyak kelapa kita ke luar negeri, kalau tidak macam mana? Jadi mesti jual di negeri luar—harga mahal. Tentu kita di sini hendak menjual dengan harga yang mahal. Macam mana pihak Pembangkang mengatakan inflasi ini tidak apa, sebab inflation ada, dalam negeri pun terpaksa menaikkan harga di atas perkara ini. Cuma satu sahaja yang saya nampak, oleh kerana saya ada juga merantau ke negeri komunis dan sebagainya, satu sahaja—ration, dirationkan macam mana yang diadakan di negeri

Iron Curtain, boleh jadi satu hari esok mana tahu kalau pihak Pembangkang memerintah, boleh jadi Batik Curtain. Saya pernah pergi ke sebuah negeri komunis, rasionya cuma 3 tahil minyak sebulan. Jadi di mana hendak dikatakan supply and demand, bendanya tak ada, sebab tertahan kemahuan manusia. Hendakkan 3 tahil menanti beratus-ratus orang. Hendakkan daging, ikan, pakaian begitu juga. Orang lain semua tidak boleh berniaga melainkan Kerajaan sahaja dengan kedai koperatifnya. Kalau begitu, barangkali boleh jadi. Kalau itulah yang hendak dicadangkan, kalau dasar itu hendak dijalankan secara komunis ini, itu payahlah, tidak boleh jadi.

Bahasa Melayu

Saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan. Ada mengatakan hendak tiga empat bahasa. Tetapi bahasa yang lain memang boleh dipakai di negeri kita ini. Apa bahasa pun boleh dicakapkan. Tidak siapa boleh menahan sesiapa bercakap bahasa yang lain, freedom of language ada di negeri kita. Freedom of religion ada di negeri kita ini—bebas. Tetapi cuma satu sahaja. Kita hendak menjadikan satu bangsa itu mestilah ada mempunyai satu bahasa. Walau negeri Cina sendiripun, saya pun ada juga belajar di negeri Cina, bahasa Cina, bahasa Mandarin dipakai keseluruhannya. Orang-orang Cina boleh berbahasa Hokkien dan sebagainya. Di negeri kita ini juga kalau difikirkan oleh orang lain bahawa Bahasa Kebangsaan adalah penting, maka 16 tahun lamanya telah merdeka sepatutnya Bahasa Kebangsaan sudah lama boleh dipakai. Saya misalkan ada orang yang hendak betul-betul belajar Bahasa Kebangsaan tidak sampai 6 bulan boleh bercakap dengan baik dan menulis. Tidak usah kita katakan 6 bulan, 2 tahun, boleh bercakap dengan baik sekali, 3 tahun misalnya. 16 tahun mereka tidak boleh bercakap. Mereka hendak cakap orang putih sahaja, memang bagus, sebab bahasa itu jadi bahasa perdagangan antarabangsa (lingua franca). Tetapi sebagai Bahasa Kebangsaan dalam negeri ini, 16 tahun lamanya, saya ingat boleh benar orang itu belajar, melainkan orang itu degil. Dia tidak mahu belajar kerana difikirkan Bahasa Kebangsaan ini bahasa yang tidak berguna, itu lainlah halnya. Saya harap sebagai orang Malaysia—bukanlah Kerajaan memaksa orang belajar

Bahasa Kebangsaan, tetapi adalah menjadi kewajipan kita sebagai warganegara Malaysia mempelajari bahasanya sendiri.

5.46 ptg.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya cuba bercakap dengan seberapa ringkas sahaja dan menyentuh satu dua perkara yang penting di dalam hal ekonomi negara kita.

Saya sungguh berasa sukacita dengan pengumuman yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita di dalam ucapan belanjawannya pada minggu yang lalu. Di dalam ucapannya Yang Berhormat telah menerangkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di dalam bidang ekonomi negara kita di dalam tahun 1973 ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita di atas kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi menerusi dasar-dasar yang telah lalu sehinggakan negara kita pada tahun 1973 ini telah mencapai kadar pertumbuhan yang dianggarkan kira-kira 22%. Pada himat saya, ini adalah satu kejayaan yang cemerlang, bukan sahaja sebagai sebuah negara yang membangun malahan dari ukuran dan kacamata negara-negara yang sudah membangun juga ini adalah merupakan suatu kejayaan yang amat tinggi. Umpamanya eksport bahan-bahan utama seperti getah, hasil kayu-kayuan dan kelapa sawit telah menunjukkan kenaikan yang mengagumkan. Ini bermakna usaha-usaha Kerajaan membuka tanah-tanah melalui FELDA, FELCRA dan Rancangan-rancangan Tanah Pinggir untuk menanam getah dan kelapa sawit telahpun menampakkan hasilnya yang lumayan. Lebih-lebih lagi peserta-peserta rancangan ini adalah terdiri daripada orang-orang kita dari luarbandar dan sudah tentu kenaikan taraf hidup mereka ini juga bermakna mengurangkan perbezaan di antara rakyat yang berbeza pendapatannya atau mengurangkan jurang perbezaan di antara rakyat yang berada dengan rakyat yang tidak berada. Ini adalah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita.

Pertumbuhan yang pesat di sektor eksport telah dibantu oleh pertambahan permintaan di dalam negeri (demand) dan kedua-dua

sektor iaitu sektor awam dan sektor swasta, terutama sekali sektor swasta yang mana perkembangannya telah pulih semula setelah merosot dalam tahun 1972 yang lalu.

Sektor Awam

Di dalam bidang sektor awam pula, walaupun Kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan pada beberapa bulan yang lalu, ini saya fikir adalah wajar memandangkan keadaan tekanan kenaikan harga yang berlaku dewasa ini. Namun demikian matlamat perbelanjaan Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kedua telahpun dinaikkan dari \$6,000 juta kepada \$8,800 juta. Dengan ini saya yakin Kerajaan tetaplah akan terus memainkan peranannya yang penting di dalam ekonomi negara. Sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapannya, jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) yang dihasilkan oleh sektor awam akan terus bertambah dari 33% di dalam tahun 1971 kepada 36% dalam tahun 1975.

Seperti yang saya terangkan sebetar tadi, negara kita sedang menghadapi satu masalah yang besar iaitu inflasi dan masalah ini juga dihadapi boleh dikatakan semua negara-negara di bawah matahari ini. Walaupun banyak ahli-ahli ekonomi yang berpendapat masalah ini tidak dapat dielakkan di dalam keadaan ekonomi yang melambung, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kadar kenaikan 10% setahun dalam 1973 yang disebutkan itu adalah terlalu tinggi bagi negara ini yang pada tahun-tahun yang lalu telah menikmati kesetabilan harga.

Kesetabilan Harga

Menyebut tentang kesetabilan harga ini, saya terdengar tadi ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka iaitu tentang kenaikan harga beras yang telah mengatakan iaitu LPN mula-mula telah menyalahkan pihak retailer atau kedai runcit kemudian wholesaler dan sebagainya. Ini saya tidak hairan datangnya daripada Ahli Yang Berhormat itu, terutama apabila dia telah menduduki kerusi di tempatnya sekarang. Ini sudah sebab Ahli Yang Berhormat tidak mengakui kenyataan iaitu berlakunya kenaikan harga semua barang dan kenyataan-kenyataan dan penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan melalui sebaran am diputar-belitkan dan di-

ambil satu-satu peacemeal atau distorted sebagai satu gambaran yang tidak lengkap, kerana saya dapati Ahli Yang Berhormat itu adalah ibarat seorang photogenic iaitu yang sangat cantik, indah pemandangan gambarnya, tetapi yang sebenarnya tidak merupakan seperti yang ada dalam gambar. Jadi tidak semua orang photogenic, tetapi Ahli Yang Berhormat itu adalah menggambarkan sesuatu seperti juga seorang yang saya katakan photogenic itu. Gambarnya nampak elok, tetapi yang sebenarnya sebaliknya. Demikianlah juga permainannya dalam hal ini iaitu memutar-belitkan berita-berita atau keterangan-keterangan dan maklumat yang diberikan kepada rakyat hanya untuk makanan orang-orang atau pengikut-pengikutnya yang di luar Dewan ini.

Saya sangat dukacita atas hal ini. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang cuba mengambil sikap yang lebih bertanggungjawab di dalam masalah ini, kerana ini adalah sebuah negara yang tidak dapat dinafikan bahawa negara yang patut bersyukur kepada Tuhan jika kita semua bandingkan dengan negara-negara lain bahawa kita adalah negara yang paling baik sekali keadaannya, paling stabil dan tenteram dalam keadaan menghadapi inflasi yang dialami oleh seluruh alam ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling saya kuatiri ialah masalah kenaikan harga yang berterusan ini akan membawa kesan yang buruk di atas ekonomi negara kita bukan sahaja dari segi aspek-aspek galakan simpanan pembahagian punca-punca asli (natural resources), tetapi saya anggap penting ialah meluaskan lagi jurang perbezaan pendapatan di antara yang berada dengan yang tidak berada sekiranya kawalan harga yang tinggi ini tidak dapat diatasi. Tetapi daripada usaha-usaha Kerajaan yang saya tahu dijalankan sekarang, kalau tidakpun dapat mengurangkan daripada apa yang ada sekarang, akan tetapi sekurang-kurangnya saya percaya usaha Kerajaan menjalankan ini dapat membendung dan menegah daripada kenaikan yang lebih tinggi. Ini adalah bertentangan dengan hasrat dan cita-cita Kerajaan di dalam Dasar Ekonomi Barunya sekiranya kita tidak berjaya di dalam usaha untuk mencegah kenaikan harga barang ini. Dengan itu saya menyokong penuh langkah-langkah yang positif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membentasi masalah ini, iaitu seperti melalui

pengapungan ke atas (upward floating) mata-wang Malaysia di pasaran tukaran wang asing (mulai daripada bulan Jun tahun 1973) untuk mengurangkan harga barang-barang yang diimpot dari luar negeri yang telah melambung dengan pesatnya. Begitu juga usaha mengeneppikan atau membatalkan kawalan impot ke atas 61 bahan-bahan (mulai dari bulan Ogos) ini memberikan subsidi ke atas impot beras untuk menampung apa yang diperlukan selain daripada beras atau padi yang ditanam di dalam negara ini. Dan pada bulan Oktober yang lalu Kerajaan telah mengumumkan pula Elaun Khas Sementara untuk kakitangan Kerajaan yang berpendapatan rendah dan usaha selanjutnya iaitu pengurangan quota dan cukai impot ke atas barang-barang keperluan dan juga menguatkuasakan Akta Kawalan Bekalan (Control Supplies Act), 1961.

Spekulasi Harta

Dengan sebab itu juga, saya menyokong kuat cadangan Kerajaan mengenakan cukai ke atas keuntungan dari spekulasi harta yang juga merupakan salah satu sebabnya memarakkan inflasi di negara kita ini. Saya juga menyokong penuh dasar Kerajaan mengurangkan kadar kenaikan belanjawan di akhir-akhir ini sebagai satu langkah untuk mencegah merebaknya inflasi.

Di dalam keadaan yang sedia ada, saya penuh yakin masa hadapan negara kita adalah cerah walaupun kadar pertumbuhannya dianggarkan tidak secemerlang yang telah kita capai dalam tahun 1973. Saya mengizinkan kiranya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka boleh quota cakap saya ini pada masa yang akan datang kerana saya seorang yang mengharapkan sesuatu yang baik akan datang, tetapi mengagakkan atau mengharap-harapkan perkara yang buruk di masa yang akan datang, iaitu sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tadi tentang apa yang diharapkan oleh Menteri Kewangan dalam bulan Jun 1971, mengikutnya berlainan apa yang berlaku keadaan ekonomi negara kita di dalam tahun ini. Walau bagaimanapun, kerisis minyak yang berlaku sekarang ini akan membawa kesan yang baik untuk getah asli kita.

Kos Pengeluaran

Saya bersetuju dengan telahan Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu kos pengeluaran dan jumlah keluaran getah tiruan akan berkurangan dan akan menyebabkan permintaan atau demand getah asli bertambah.

Keluaran kelapa sawit juga akan terus maju dan jika ianya dapat diproses dengan lebih lanjut kepada barang-barang pengguna sebelum diekspot adalah lebih baik dan lebih menguntungkan lagi. Di samping itu pula permintaan ekspot kayu-kayan yang meningkat sebegitu tinggi sekali sehingga menduduki tempat kedua dari segi pendapatan ekspot negara, walaupun satu perkembangan, pada hemat saya, yang baik dari segi perolehan wang asing telah mengakibatkan kenaikan harga bahan tersebut di dalam negara kita sendiri. Ini bukan sahaja mendatangkan kesusahan kepada pembina-pembina bangunan yang menggunakan bahan ini dengan banyaknya disebabkan keadaan melambung sektor pembinaan, malahan kepada rakyat biasa di luar bandar yang bergantung sebahagian besarnya kepada kayu-kayan untuk binaan rumah-rumah mereka. Oleh yang demikian, sudah kenalah masanya bagi Kerajaan mengenakan cukai ekspot sebanyak 5% yang dicadangkan itu ke atas ekspot kayu-kayan selain daripada menyekat ekspot 10 jenis kayu di pertengahan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan-perkembangan yang lain seperti terjumpanya simpanan minyak yang banyak jumlahnya di perairan Semenanjung Malaysia dan di Sabah dan di Sarawak, pertumbuhan pesat sektor pengeluaran yang sekarang ini menekan pasaran ekspot, pertambahan sektor perkhidmatan terutama sekali kehendak MAS dan MISC yang telah mengurangkan (deficit) di dalam Imbangan Bayaran (Balance of Payments) adalah sebahagian besarnya merupakan hasil dari daya-usaha dan dasar-dasar Kerajaan yang bijak.

Kuala Lumpur Pasaran Utama Getah Asli

Saya juga suka menyentuh perkara-perkara yang bersangkutan dengan langkah-langkah Kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pasaran utama bagi getah asli. Ada juga cadangan untuk menjadikannya pusat pasaran bahan-bahan yang lain seperti kelapa sawit dan kayu-kayan. Saya

memandang jauh ke hadapan dan menaruh keyakinan cita-cita ini akan dapat dicapai sekiranya langkah-langkah yang wajar dapat diambil, dan saya harap pihak-pihak yang bersangkutan seperti pedagang-pedagang, bank-bank serta rakyat seluruhnya dapat membuat persediaan yang wajar untuk matlamat ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan sedikit pandangan mengenai peruntukan di dalam Belanjawan, 1974 yang telah dikemukakan di dalam Dewan ini.

Bank Pembangunan

Kerajaan bagaimana yang kita sedia maklum telah mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah Bank Pembangunan bagi tujuan memesatkan lagi proses pemodenan perusahaan-perusahaan bumiputra yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Bank Pembangunan Malaysia ini ialah sebuah bank subsidiary dari Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Menyebut tentang Bank Bumiputra Malaysia Berhad, saya mendengar tadi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menegur tentang pinjaman yang diberikan oleh bank ini kepada orang yang bukan Melayu. Saya percaya kiranya Ahli Yang Berhormat itu mengetahui hal yang sebenarnya di dalam perjalanan Bank Bumiputra ini sudah tentu beliau menyetujui apa yang telah dijalankannya, kerana wang yang ada di dalam Bank Bumiputra iaitu liquid assetnya itu kalau tidak dipinjamkan akan tinggal begitu sahaja dan kalau hendak menunggukan semua permintaan pinjaman hanya daripada bumiputra sahaja, maka sudah tentu wang itu tidak akan dapat diputarakan dengan sepenuhnya.

Saya memang dari mula telah membuat satu pandangan iaitu nama "Bumiputra" itu adalah salah atau misnomer. Yang sebenarnya bukan untuk bumiputra sahaja, tetapi sebagai sebuah bank perdagangan; bank perdagangan sama juga seperti bank-bank yang lain. Dalam kenyataan Pengerusi Bank itu sendiri baharu-baharu ini iaitu daripada 26 buah bank yang telah meminjamkan atau menggunakan pinjaman kepada bumiputra, Bank Bumiputralah yang banyak sekali meminjamkan kepada orang-orang Melayu dan lain-lain bumiputra jika dicampurkan jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh semua bank-bank yang lain

yang ada di Malaysia ini. Ini adalah satu kejayaan yang patut dibanggakan oleh kita sekalian di atas perjalanan bank itu. Dan tentang pinjaman kepada kaum bumiputra ini, yang sebenarnya, apa yang saya tahu antara Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada memberi sokongan dan membawakan permohonan pinjaman daripada bukan bumiputra kepada bank itu, tetapi tidak perlulah saya sebutkan siapa-siapa dia.

Dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia, peranan dan tujuan Bank Pembangunan adalah sangat luas dan berlainan sekali dengan bank perdagangan yang biasa. Bank perdagangan bolehlah disifatkan sebagai sebuah agensi atau daya penggerak-kemajuan dan pembangunan yang paling berkesan dan boleh menimbulkan kemajuan dengan pesat sekali. Tujuan yang paling utama sekali bagi bank ini ialah untuk membiayai projek-projek kemajuan yang menggunakan modal dan tenaga yang banyak dan yang penting sekali ialah penyaluran modal-modal atau funds daripada badan ini mestilah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Ini sangat penting dan Dasar Ekonomi Baru di dalam konteks Rancangan Malaysia Yang Kedua ini. Sesebuah projek yang dibiayai oleh bank ini hendaklah merupakan suatu pembangunan sosio-ekonomi, iaitu meninggikan taraf hidup dan pendapatan rakyat, terutama sekali bumiputra dan menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan bagi mengurangkan pengangguran dan merapatkan lagi persafahaman antara kaum.

Dalam hal ini, saya suka menekankan bahawa pembangunan hendaklah menjadi motif yang utama dan keuntungan adalah menjadi perkara yang kedua. Kalau Bank Bumiputra ini mengutamakan keuntungan, maka di dalam pendapat saya bank ini tidak lagi akan menjalankan peranannya sebagai Bank Pembangunan. Memandang kepada hal-hal yang telah disebutkan tadi nyatalah peruntukan sebanyak \$15 juta yang disediakan oleh Kerajaan di dalam Belanjawan Tahun 1974 untuk bank ini sangatlah tidak memadai. Sebagai bandingan Bank Pembangunan Singapura (D.B.S.) mempunyai modal yang dibenarkan sebanyak \$200 juta dan mempunyai modal yang telah dibayar sebanyak \$100 juta. Sebagai sebuah negara yang lebih besar dan lebih pesat pembangunannya dan masih sedang membangun, Kerajaan Malaysia sepatutnya mengadakan peruntukan yang lebih besar demi untuk

pembangunan negara sesuai dan wajar dengan keadaan dan progresif atau kemajuan negara kita ini.

Bank Pembangunan Islam

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini pula telah banyak usaha-usaha yang dibuat untuk menubuhkan Bank Pembangunan Islam yang merupakan bank bagi pembangunan di negara-negara Islam yang mana Malaysia adalah sebuah daripadanya, yang memainkan peranan yang sangat penting. Kita baca dalam akhbar hari ini iaitu rombongan dari Malaysia yang diketuai oleh Menteri Pertanian dan Perikanan telah-pun berlepas dari negara kita untuk menghadiri persidangan ini di Mekah. Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia sudah sewajarnya menyambut baik tujuan penubuhan bank tersebut, dan oleh itu peruntukan yang sesuai haruslah disediakan dengan segera. Saya percaya bank ini nanti akan memainkan peranannya setidak-tidaknya sama dengan Bank Pembangunan Asia (A.D.B.) yang mana telah banyak menyumbangkan tenaga dan kewangan bagi pembangunan negara ini. Saya harap Kerajaan dapat menimbangkan semula peruntukan yang wajar bagi menjayakan penubuhan bank itu nanti dan saya berdoa dan berharap muga-muga bank itu didirikan di Kuala Lumpur ini.

Perumahan

Masalah perumahan, adalah merupakan satu masalah negara yang hebat dibincangkan pada masa sekarang, bukan sahaja di kawasan-kawasan bandar, tetapi juga di desa dan di luar bandar. Anggaran peruntukan yang telah disediakan bagi tahun 1974 sebanyak \$34.71 juta bagi peringkat Persekutuan dan \$14.87 juta bagi peringkat Negeri adalah jauh dari mencukupi pada hemat saya. Ini adalah memandangkan bagaimana tingginya permintaan-permintaan (demand) untuk perumahan ini. Dalam proses memodenkan sektor pertanian atau masyarakat desa perumahan adalah sangat perlu. Kedua-dua Belanjawan bagi peringkat Federal dan bagi peringkat Negeri perlu ditambah bagi memenuhi kehendak tujuan perumahan, terutama sekali di peringkat Negeri. Ini adalah perlu untuk mengawal masalah perumahan bukan sahaja di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain, malahan masalah perumahan sudah menjadi begitu tertekan di kawasan-kawasan luar bandar sebagaimana yang di-

ketahui harga bahan-bahan, terutamanya kayu dan alat-alatan lainnya telah melambung menyebabkan kesusahan bagi penduduk-penduduk desa dan luar bandar untuk mendirikan rumah-rumah.

Spekulasi Penjualan Tanah

Menyentuh tentang hal ini, saya menyambut baik pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai cukai ke atas keuntungan yang didapati dari spekulasi penjualan tanah. Saya harap cukai ini akan berkesan untuk membentasi masalah kenaikan harga tanah yang melampau. Walau bagaimanapun, saya rasa kadar cukai yang tetap sebanyak 50% di atas keuntungan yang diperolehi bagi jualan harta tidak kurang dari \$200,000 adalah kurang adil kerana ada baiknya jika kadar cukai itu dibuat dengan berubah-ubah, umpamanya seperti yang saya suka sebutkan, iaitu:

Bagi jangkamasa ke bawah dari—		
6 bulan	80%
6-12 bulan	70%
12-18 bulan	60%
18-24 bulan	50%

Maksud saya, ialah supaya orang yang membuat spekulasi yang mendapat keuntungan yang cepat sekali, iaitu dalam tempoh 6 bulan akan dikenakan cukai yang tinggi sekali dan sebaliknya bagaimana yang telah saya nyatakan tadi kalau mengambil masa yang panjang, iaitu antara 8 hingga 24 bulan baharu dikenakan 50% tetapi kalau dengan cepatnya mengikutlah sifirnya bagaimana cepatnya dia mengambil keuntungan itu, maka tinggi pula kadar yang dikenakan ke atasnya.

Keduanya, had yang ditentukan iaitu bagi \$200,000 ke atas, ini akan menumpukan kesannya kepada spekulasi harta-harta bernilai tinggi sahaja. Sebagaimana kita sekalian ketahui, spekulasi juga amat meluas bagi kalangan pendapatan sederhana ke atas rumah di bandar-bandar. Tiap-tiap sebuah rumah yang dahulunya berharga \$30,000 atau \$40,000 sekarang berharga tidak kurang dari \$60,000 sehingga \$100,000. Ini kita boleh dapati dari membaca suratkhbar, terutama dalam *Malay Mail* yang mengeluarkan tentang harga-harga ini orang yang menjual dan membeli dan juga daripada berhubung dengan orang-orang yang menjalankan perniagaan rumah dan jualan tanah ini.

Saya rasa cukai yang sama bentuknya seperti yang saya cadangkan tadi haruslah dikenakan ke atas semua spekulasi-spekulasi harta (tanah dan rumah) yang bernilai rendah, misalnya \$20,000 ke atas—ini keuntungan \$20,000 ke atas. Tidak asing kepada kita semua ada di antara orang-orang yang membuat spekulasi yang membuat tempahan bagi beberapa buah rumah (tiap-tiap satunya bernilai kurang dari had \$200,000), tetapi jumlah semuanya melebihi \$200,000. Sebab itulah saya cadangkan cukai ini dipanjangkan kepada hadnya ke bawah dari \$200,000 yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Ada juga kemungkinannya cukai ini dapat dielakkan dengan menjualkan saham-saham dengan harga yang telah ditambah dengan permium dan dengan itu penjualnya akan dapat mengelakkan cukai spekulasi harta itu (dengan tidak menjualkannya secara *en bloc*). Telah juga diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan penurunan cukai ke atas bahan-bahan binaan. Saya lagi sekali mengalu-alukan pengumuman tersebut dan sukacita saya menyatakan bahawa kesannya boleh jadi tidak akan diperolehi disebabkan adanya manipulasi pasaran (market manipulation) melalui hoarding dan menimbulkan kekurangan bekalan yang disengajakan atau yang diada-adakan.

Kemudahan-kemudahan Awam

Kemudahan-kemudahan Awam (Utilities and Amenities) adalah sangat perlu bagi pembangunan, lebih-lebih lagi dalam mencapai tujuan-tujuan dan maksud yang tercatat di dalam Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kedua. Bekalan letrik dan air kepada saya dan kepada kebanyakan penduduk-penduduk kita terutamanya di luar bandar adalah dua perkara yang sangat mustahak, terutama di kawasan yang saya sebutkan tadi kerana selagi kawasan-kawasan ini tidak mempunyai dua bahan yang penting ini, iaitu letrik dan air maka selama itulah kawasan-kawasan kita, kampung-kampung dan desa-desa kita ini akan tinggal begitu tidaklah dapat mengecap dan menikmati kemajuan dan pembangunan yang sangat dinikmati oleh pihak-pihak di dalam bandar.

Mengikut Anggaran Belanjawan 1974, peruntukan bagi bekalan letrik bagi kawasan luar bandar hanyalah \$5.4 juta bagi peringkat

Persekutuan dan \$11.7 juta bagi peringkat Negeri. Peruntukan ini adalah kurang memuaskan. Lembaga Letrik Negara sebagai sebuah badan separuh Kerajaan mestilah mempunyai aspirasi untuk pembangunan dan tidak memandangkan semata-mata kepada keuntungan sebagai motif yang utama, dan ini sangat dirasakan pada masa-masa yang telah lalu dan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Lembaga Letrik Negara ini iaitu pada masa yang akan datang dasar ini diubah. Ini disambut baik oleh pihak terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan-cadangan dan pandangan yang telah saya berikan ini, saya sekali lagi menyokong dengan penuhnya Rang Undang-undang Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini dan saya harap tahun 1974 ini akan merupakan satu tahun yang aman dan stabil di dalam pembangunan dan ekonomi negara kita.

6.17 ptg.

Dato' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh syor yang telah dibawa dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari dahulu berkenaan dengan belanjawan negara.

Memang benar adalah belanjawan ini sangat lengkap. Apabila kita pandang ke pihak Pembangkang iaitu teguran-teguran mereka sangat kurang dan saya anggapp ammunition mereka itu sudah habis dan modal baru langsung tak ada. Yang dapat ditegur perkara-perkara yang kecil sahaja yang dapat diatasi dengan cara pentadbiran sahaja.

14 tahun Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun membawa negara kita yang muda ini dalam perbelanjaan, dan rasa saya dalam dunia ini tidak ada seorang Menteri yang dapat mengatasi atau menandingi kejayaan Menteri Kewangan itu dan dengan rekod-rekod yang cemerlang ini, saya sebagai wakil dari Larut Utara memberikan kepada beliau setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Dan ini menyatakan dengan terang kepada kita iaitu satu-satu kerja yang begini besar rupanya yang continuitynya sangat penting dan di sini jelas kepada kita sekalian ada pun continuity

yang dijalankan oleh Menteri Kewangan itu sangat memberi faedah yang berkesan kepada negara kita yang muda ini.

Inflasi

Contohnya, satu sahaja yang saya hendak bawa iaitu apabila negara kita menghadapi inflasi satu cabaran yang begitu berat dan beliau telah mengambil langkah yang bijak sekali iaitu mengapungkan wang kita ini. Hemat saya, dengan langkah yang berani yang sangat-sangat bijak ini, maka tiap-tiap penduduk di negara kita ini mendapat keuntungan sedikit-sebanyaknya.

Saya anggapkan adalah Menteri Kewangan kita ini ialah seorang yang bertuah dan "a man with a golden touch". Apa dipegang itu berfaedah kepada rakyat kita dan juga Kerajaan kita. Memang benar barang-barang telah naik. Ini saya anggap seolah-olah macam kita di sekolah juga, apabila sudah pandai sedikit naik darjah, begitu sahaja. Tiori saya begitu. Ini kita mesti hadapi sebagai satu negara yang muda membayar satu-satu barang keperluan dan barang-barang lain juga sudah tiba satu ketikanya yang mesti kita hadapi. Umpamanya, dahulu seorang kerani gajinya \$40, harga beras 30 sen segantang. Sekarang kerani bergaji \$200, sudah mesti rasionya mesti naik. "It is a realistic" yang tidak dapat dielakkan. Keseluruhannya begitulah. Langkah-langkah mengatasinya bagi pegawai-pegawai rendah Kerajaan beri bantuan, elau dan sebagainya, saya sambut baik. Yang mana-mana pihak terasa inflasi ini berat, maka Kerajaan tidak mungkin mungkir, tidak lengah-lengah lagi memberi bantuan yang serta-merta.

Saya takut harga tinggi ini akan tinggal dengan kita sampai berpanjangan kerana apabila barang itu naik, payah hendak turun. Tetapi pagi ini saya tengok harga tepung pula hendak naik. Saya harap Menteri Perdagangan dan Perindustrian mestilah berhati-hati. Kita jangan sangat mengikut telatah orang-orang ini apa-apa mereka kehendaki terutama sekali di atas barang-barang keperluan. "We must put our foot down". Memandangkan yang sudah-sudah mereka membuat keuntungan sampai \$20 juta—\$30 juta tiap-tiap tahun. Jadi sampai seketika ini di mana rakyat kita menghadapi harga barang yang tinggi sungguhpun dakwaan mereka itu tepung

dalam negara kita ini ialah yang murah sekali dalam dunia adalah alasan-alasan yang diberi ini sangat tipis. Saya harap Menteri kita terutama sekali pegawai-pegawainya jangan hendaknya mereka itu dengar lapuran-lapuran yang berwarna-warni ini. Saya dapati pegawai-pegawai Kerajaan ini selalu terpengaruh terutama sekali orang muda yang baik, tetapi urusan mereka itu terhadap perkara-perkara yang penting ini selalunya tidak memuaskan dan berat sebelah, berat sebelah kepada kapitalis daripada memandangkan kesusahan dan keberatan rakyat di tanahair kita. Saya harap begitu juga barang-barang yang lain, minyak jangan hendaknya Kerajaan kita senang sangat memberi kepada permintaan-permintaan daripada pihak kapitalis memandangkan mereka itu telahpun membuat keuntungan yang lumayan pada tahun-tahun yang sudah.

Beras

Berkenaan dengan beras, saya dengar dan saya dapat lapuran harga beras masih lagi yang paling murah sekali di dunia ini pada hari ini di tanahair kita. Kita ucapkan syabas kepada pegawai-pegawai dan juga Kerajaan kita. Dan Kerajaan kita memang memberi subsidi, tiap-tiap gantang Kerajaan memberi 50 sen dan Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$14 juta kerana hendak stabilkan harga beras ini. Ini pun satu langkah yang baik dan juga saya teringat berkenaan beras ini sangat penting, dan langkah-langkah yang tegas mestilah kita jalankan. Pihak peniaga, saya sendiri pun orang berniaga, peluang buat duit siapa pun hendak buat duit. Saya ingat kita hendak luluskan undang-undang buat tagging dan sebagainya, saya rasa perkara ini tidak akan memberi hasil yang sepuuh-penuhnya.

Restoran Rakyat

Saya mengesyorkan dalam Dewan yang mulia ini kita tubuhkan banyak lagi restoran seperti Restoran Rakyat terus-menerus dalam tanah air kita, selain daripada kedai-kedai yang tertentu menjual barang-barang keperluan. Sebab Restoran Rakyat itu telah memberi kesan iaitu centralised cooking. Bermakna di sini kosnya sangat rendah. Kita tahu masak nasi dalam kawah yang besar, keraknya pun kurang. Kalau tiap-tiap orang masak nasi di rumah satu periuk sudah ada kerak dan mereka buang. Dan orang yang memasak

itu pun banyak. Tetapi kalau kita masak di Kuala Lumpur ini, katakan 200 tempat, yang lain itu jangan masak nasi. Beli daripada tempat-tempat yang di control oleh Kerajaan. Beras dapat murah, kosnya murah dan lain-lain pun murah. Kita boleh atasi perkara ini. Saya rasa di peringkat negeri pun dapat membuat demikian. Di kampung-kampung pun begitu juga. Saya dengar Kerajaan sudah galakkan agensi-agensi di peringkat Negeri menjual barang keperluan iaitu syarikat kerjasama. Syarikat kerjasama ini bagus namanya. Sebagai-bagus pertubuhan dalam dunia ini. Tetapi nama sahaja, kerja tidak dibuat. Pegawai-pandainya, tetapi pandai di pejabat sahaja. Di ground level, saya tidak pernah pergi tengok syarikat kerjasama ini boleh memberi keuntungan dan bantuan kepada rakyat jelata selain daripada MCIS. MCIS ini dia bercakap di Kuala Lumpur sahaja, di pekan-pekan besar, kepada orang-orang asing, orang Cina dan orang-orang bukan Melayu. Di pekan-pekan besar, di Ibu Kota ini tidak payah lagi bimbing orang ini. Orang ini sudah cerdik dan pandai. Kalau syarikat kerjasama pandai betul, tempatnya ialah di luar bandar. Di luar-luar bandar mereka tidak pernah pun dapat menunjukkan muka untuk memberi keuntungan kepada perkara-perkara yang mereka jalankan. Dan MCIS di Kuala Lumpur ini, saya rasa kalau mereka itu berdegar-degar bercakap: itu senang buat, ini senang buat, hentikan usaha mereka di Kuala Lumpur ini, pergilah ke desa-desa, patutlah mereka usahakan, tolong adik dan kakak mereka itu pada jurusan yang sangat-sangat penting ini. Ini boleh saya dapat pujikan. Tetapi yang dijalankan di Kuala Lumpur ini ialah cara-cara kapitalis dan saya takut orang ini memakai nama Syarikat Kerjasama, oleh sebab itu mereka dapat menaung dan dapat keuntungan yang

lumayan di atas satu keistimewaan yang Kerajaan beri kepada mereka itu.

Insuran

Tuan Yang di-Pertua, satu pertubuhan yang patut sangat kita perhatikan dengan sungguh-sungguh dalam negara kita ini ialah insuran. Insuran ini satu perkara yang mesti. Orang-orang yang berusaha menjalankan kenderaan sudah mesti mengambil lindungan daripada insuran-insuran dalam tanah air kita ini. Saya tidak peduli apa jadi dalam dunia, tetapi saya ambil berat apa yang terjadi dalam negara kita ini. Mereka ini kalau kita perhatikan terlampau arbitrary. Kalau mereka berkehendakkan duit premium, mereka datang berlutut, tetapi bila kita claim, kita pula kena merangkak, merangkak sampai bertahun-tahun, kadang-kadang satu-satu perkara itu tidak dapat diselesaikan samada accident motosikal, motokar, lori dan sebagainya. Tentang bayaran memang sungguh-sungguh payah. Mereka ini boleh disifatkan sebagai Yahudi juga dalam tanahair kita ini selain daripada sifat arbitrary mereka jalankan, oleh itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah panjang lagi, Yang Berhormat?

Dato' Tajudin bin Ali: Ya, panjang lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Esok boleh disambung sedikit.

Dato' Tajudin bin Ali: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.